

## **KELANGSUNGAN DOMINASI BARISAN NASIONAL DI SABAH DALAM PILIHAN RAYA UMUM KE-13**

### ***THE CONTINUING DOMINANCE OF BARISAN NASIONAL IN SABAH IN THE 13TH GENERAL ELECTIONS***

**Asmady Idris<sup>1\*</sup> and Suzalie Mohamad<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup>International Relations Programme, Faculty of Humanities, Arts and Heritage,  
Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

\*Corresponding author: asmadyi@ums.edu.my

*Artikel ini cuba membincangkan perkembangan politik Sabah dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) dengan memfokus kepada kelangsungan dominasi hegemoni Barisan Nasional (BN) dan penambahan kerusi oleh pihak pembangkang di Sabah. Dengan menggunakan tema pembangunan (sebagai strategi politik), BN berjaya mengekalkan penguasaan melebihi dua pertiga dalam kedua-dua kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen. Manakala, bagi pihak pembangkang, khususnya gabungan Pakatan Rakyat (PR), walaupun gagal membentuk kerajaan tetapi telah berhasil memenangi beberapa kerusi di kawasan majoriti penduduknya berbangsa Kadazandusun dan Murut (KDM) serta Cina. Kemenangan calon-calon pembangkang ini dikaitkan dengan penjajaan beberapa isu yang berkait rapat dengan autonomi Sabah dalam konteks federalisme, isu pendatang tanpa izin (PATI), tanah adat dan lain-lain lagi. Untuk menganalisis kelangsungan dominasi BN di Sabah, penulis menggunakan kerangka konseptual hegemoni-federalisme dari perspektif Gramsci. Justifikasi gabungan kerangka konseptual ini ialah mengambil kira kepelbagaian etnik di Sabah yang sebahagian besarnya "bersetuju" (consent) untuk menerima unsur dominasi kepimpinan oleh sesebuah parti berasaskan permuafakatan politik terhadap keseluruhan masyarakat dan juga menyerahkan struktur kepimpinan mereka kepada satu sistem pemerintahan pusat yang dinamakan sebagai "Federalisme."*

**Kata kunci:** Pilihan Raya Umum Ke-13, hegemoni-federalisme, politik pembangunan, Barisan Nasional, Pakatan Rakyat

*The article deals with Sabah political developments after the just concluded 13th General Election. The main focus is on the hegemonic dominance of Barisan Nasional (BN), and also the ability of opposition parties, especially Pakatan Rakyat (PR), although they failed to form a government, in securing several seats in areas ethnically dominated by the Kadazandusun and Murut (KDM) as well as the Chinese. It is argued that BN's recipe in maintaining a two-thirds majority*

*was largely associated with its development theme (as a political strategy) that was strongly projected throughout the whole election campaign. Whereas for the opposition parties, the encouraging performance was due to the bombardment of voters with issues very much related to Sabah's autonomy in the federal structure including the 20 points, illegal immigrants, native lands, and others. In analysing the hegemonic dominance of BN, a Gramscian conceptual framework of "hegemony-federalism" will be employed. The employment of this approach is found suitable to the multi-ethnic society of Sabah, the majority of whom have given "consent" to a dominant party based on political consociationalism in guiding their leadership structure within the context of federalism.*

Keywords: 13th General Election, hegemony-federalism, politics of development, Barisan Nasional, Pakatan Rakyat

## **PENDAHULUAN**

Sejak sekian lama, skrip senario politik Malaysia begitu mudah diramal dengan secara tradisinya, Barisan Nasional (BN) yang dahulunya lebih dikenali sebagai Parti Perikatan (bertukar menjadi Barisan Nasional pada tahun 1973) akan memenangi setiap pilihan raya dengan kejayaan lebih daripada dua pertiga kerusi (kecuali Pilihan Raya Umum 1969). Namun, tradisi ini secara mendadak mula berubah terutama sejak berlakunya gelombang "tsunami" pada Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU12) 2008. Dalam PRU12 tersebut, BN telah gagal mengekalkan majoriti dua pertiga dengan hanya memenangi sebanyak 140 kerusi (peratus undi popular 50.6%), berbanding Pakatan Rakyat (PR) yang telah berjaya meningkatkan populariti mereka dengan jumlah kerusi yang agak besar iaitu 82 kerusi dengan 49.4% undi popular. Selain daripada itu, PR juga telah menguasai pentadbiran negeri Kedah, Kelantan, Pulau Pinang, Selangor dan Perak yang sebelum ini di bawah kerajaan BN. Fenomena kemerosotan BN ini terus dijelmakan dalam PRU13 apabila BN hanya memenangi 133 kerusi iaitu merosot 7 kerusi berbanding PRU12 yang lalu. Pihak pembangkang pula, iaitu PR yang kini diketuai oleh Anwar Ibrahim, telah berjaya menambah jumlah kerusi sebanyak 89 kerusi. Sesuatu yang lebih menarik, walaupun PR kalah dari segi kerusi tetapi jumlah undi popular lebih memihak kepada pihak PR dengan meraih 50.87% berbanding BN yang mendapat 47.38%. Namun demikian, BN telah dapat menguasai semula dua buah negeri yang dimenangi oleh PR dalam PRU12 iaitu Kedah dan juga Perak – negeri yang jatuh ke tangan BN berikutan Krisis Perlembagaan Perak 2009 dan dengan itu dianggap merupakan pengambilalihan yang kekurangan legitimasi moral.

Dalam konteks Sabah pula (sebagai fokus utama kajian), umum mengetahui bahawa "tsunami politik" yang melanda di Semenanjung sejak PRU12 tidak begitu memberikan implikasi terhadap pencapaian parti BN di

Sabah. Ketika pencapaian BN di Semenanjung mula mengalami kemerosotan, BN-Sabah masih dapat menguasai sebahagian besar kerusi yang dipertandingkan pada PRU13 ini iaitu dengan berjaya memenangi sebanyak 22 kerusi Parlimen (daripada 25 kerusi) dan 48 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) daripada jumlah 60 kerusi yang dipertandingkan. Berdasarkan kepada kenyataan di atas, terdapat sekurang-kurangnya dua persoalan utama yang perlu diberikan perhatian. Pertama ialah tentang kemampuan BN-Sabah mengekalkan jumlah kerusi lebih daripada dua pertiga di peringkat DUN dan Parlimen yang secara tidak langsung menggambarkan bahawa seakan-akan tidak berlaku tsunami politik di Negeri Di Bawah Bayu ini. Persoalan kedua ialah di sebalik kelestarian dominasi BN di Sabah, senario penambahan kerusi oleh pihak pembangkang sedikit sebanyak memberikan gambaran bahawa terdapat suasana "protes baru" terhadap corak pentadbiran kerajaan BN di Sabah.

Bagi membincangkan kelangsungan dominasi BN di Sabah, kajian ini akan menggunakan kerangka konseptual "hegemoni-federalisme" khususnya dari perspektif Gramsci. Elemen yang akan diberikan perhatian ialah tentang kepatuhan, dominasi dan eksploitasi antara golongan atasan (pemimpin ataupun elit) dan golongan bawahan (rakyat). Pada masa yang sama, semangat dan amalan federalisme juga akan dianalisis khususnya bagi menerangkan suasana kelangsungan hegemoni BN di Sabah. Justifikasi gabungan kerangka konseptual ini ialah mengambil kira kepelbagaian etnik di Sabah yang sebahagian besarnya "bersetuju" (elemen kepatuhan dan dominasi Gramsci) untuk menerima unsur dominasi kepimpinan oleh sesebuah parti berasaskan permuafakatan politik terhadap keseluruhan masyarakat dan juga menyerahkan struktur kepimpinan mereka kepada satu sistem pemerintahan pusat yang dinamakan sebagai "federalisme". Selain daripada itu, kaedah kajian pengumpulan data adalah berdasarkan kepada gabungan pendekatan analisis dokumentari (*documentary analysis*) dan juga temu bual dengan beberapa tokoh individu yang berkaitan terutamanya dari kalangan tokoh politik di Sabah. Bagi analisis dokumentari, sumber data adalah termasuk dari Arkib Negeri Sabah dan kajian-kajian yang berfokus terhadap pilihan raya di Sabah terutamanya sejak kemasukan United Malays National Organisation (UMNO) ke negeri ini pada tahun 1994. Sebelum perbincangan secara mendalam terhadap persoalan yang ditimbulkan, kajian ini terlebih dahulu membincangkan kerangka konseptual hegemoni-federalisme dan diikuti dengan penjelasan secara ringkas tentang perkembangan awal dominasi BN di Sabah sehinggalah kepada analisis keputusan PRU13.

## **KONSEP HEGEMONI-FEDERALISME**

Tidak dinafikan kelangsungan dominasi Parti Perikatan ataupun BN dalam setiap pilihan raya umum di Malaysia sejak merdeka 1957 telah mewujudkan suatu bentuk kemenangan yang disifatkan sebagai berunsur "hegemoni". Secara

mudahnya, hegemoni adalah merujuk kepada suatu kuasa besar seperti negara ataupun "kelas masyarakat pemerintah" (*ruling class*) yang amat berpengaruh dalam mengawal segala tindak-tanduk negara-negara lain ataupun masyarakat dalam sesebuah negara (Evans dan Newnham, 1998 : 221–222). Dalam konteks disiplin Hubungan Antarabangsa (atau lebih tepatnya di peringkat makro), hegemoni lebih dikaitkan dengan ketrampilan sebuah negara yang kuat terutama dari segi ekonomi dan ketenteraan (aspek materialisme dari perspektif realisme) serta mampu memberikan tekanan dan perluasan wilayah sama ada secara fizikal ataupun psikologikal (seperti era Perang Dingin) terhadap dasar luar dan perilaku setiap negara di peringkat antarabangsa (Kennedy, 1987; Gill, 1990; Strange, 1987; Asmady, 2000). Antara negara-negara yang pernah dijulung sebagai berstatus hegemoni adalah Portugal, Sepanyol, Belanda, Great Britain dan sekarang, Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, dalam konteks analisis kemenangan hegemoni BN, penulis ingin mengaitkan sifat dan karektor hegemoni BN ini dengan perspektif Gramsci. Maksudnya di sini, kemenangan BN yang bersifat hegemoni ini merupakan suatu proses, dasar dan tindak-tanduk yang pelbagai dan bukan berbentuk desakan "kuasa fizikal" semata-mata.

Arkitek kepada perspektif Gramsci ini ialah Antonio Gramsci (1891–1937), pemikir berbangsa Itali yang telah menghasilkan kumpulan tulisan yang dinamakan sebagai "*Prison Notebooks*" atau dalam bahasa Itali *Quaderni del Carcere*. Karya yang ditulis sekitar tahun 1929–1935 sewaktu Gramsci berada di penjara semasa era Mussolini, antaranya memaparkan suatu fenomena budaya dominasi hegemoni masyarakat pemerintah (*ruling class*) yang terdiri dari golongan borjuis-kapitalis terhadap golongan pekerja atau proletariat (*working class*). Berbeza dari idea Karl Marx tentang revolusi sosial oleh golongan proletariat berasaskan kepada penindasan ekonomi (*means of social production and employers of wage-labour*) yang dilakukan oleh golongan borjuis-kapitalis, Gramsci lebih menekankan kepada aspek persetujuan secara spontan (*spontaneous consent*) oleh sebahagian besar masyarakat terhadap kelas pemerintah dengan peranan yang dimainkan oleh institusi masyarakat sivil. Dalam perkataan lain, suhu kepatuhan dan persetujuan masyarakat terhadap kelas pemerintah adalah bersandarkan kepada tiga perkara yang utama. Pertama apa yang dinamakan sebagai "*historical bloc*" iaitu merujuk kepada situasi sebenar sosial strata kelas pemerintah dan kelas proletariat yang pelbagai. Seandainya satu permuafakatan berjaya dicapai dalam kalangan kelas-kelas pemerintah dan diterima oleh masyarakat proletariat, maka ini dianggap sebagai kuasa dominasi hegemoni yang tertinggi ataupun apa yang Gramsci labelkan sebagai hegemoni budaya. Kedua, walaupun proses tertinggi hegemoni ini dapat dihasilkan, kelas pemerintah perlu juga memberikan konsesi kepada masyarakat proletariat bagi pengendalian kuasa dan status. Ketiga, pada hakikatnya proses ke arah pembentukan dominasi hegemoni tidak akan pernah selesai. Hal ini disebabkan oleh tahap kepekaan setiap individu yang mempunyai "*dual consciousness*" (dua tahap kesedaran). Pada satu ketika, kelas pemerintah boleh menggunakan

peranan masyarakat sivil dan institusi umum seperti sekolah dan institusi agama untuk memujuk rakyat memberikan sokongan padu kepada kerajaan yang memerintah. Akan tetapi, masyarakat proletariat juga mampu belajar dari pengalaman dan suasana kehidupan yang sebenar. Jika keadaan kualiti hidup tidak meningkat (dalam hal ini merujuk kepada sistem ekonomi kapitalis), maka sudah pasti mereka mendesak kelas pemerintah untuk membuat reformasi terhadap sistem dan jentera pentadbiran negara. Selanjutnya, andai desakan masyarakat proletariat ini tidak diberikan perhatian, maka mungkin revolusi penentangan terhadap kelas pemerintah akan meletus yang akhirnya mewujudkan dominasi hegemoni oleh proletariat terhadap golongan dan rakyat yang tertindas. Dominasi hegemoni oleh proletariat ini, walau bagaimanapun, adalah bersifat demokratik sepenuhnya dan mampu membela golongan rakyat yang menderita (Anderson, 1976; Haralambos dan Holborn, 1991; Thomas, 2009).

Suasana politik Itali ketika Gramsci menulis ini sudah berusia berabad lamanya. Walaupun begitu, idea yang dilontarkan Gramsci masih relevan hingga kini. Dalam konteks perkembangan politik di Malaysia, dominasi hegemoni BN terhadap masyarakat amnya sememangnya tidak dapat dinafikan. Dengan prinsip permuafakatan (*consociationalism*) – keanggotaan pelbagai parti dalam BN, parti ini terus mampu merajai dan memenangi undi sebahagian besar rakyat Malaysia dalam setiap pilihan raya umum yang diadakan. Majoriti rakyat Malaysia masih memberikan persetujuan mereka untuk menjadikan BN sebagai parti menerajui pundak pentadbiran negara. Namun demikian, sejak PRU12 yang lalu dan juga PRU13 pada 2013, sebahagian masyarakat Malaysia mula menilai komitmen dan keprihatinan BN terhadap kemaslahatan rakyat. Dengan tahap hidup yang semakin menghimpit, rakyat memerlukan pendekatan baru dan segar dari BN. Segala konsesi yang diamalkan sebelum ini khususnya tema dan projek politik pembangunan yang bersifat jangka pendek, terutamanya menjelang pilihan raya, tidak lagi mampu memujuk majoriti rakyat untuk bersama BN. Sebaliknya isu dan persoalan ketelusan, pentadbiran yang cekap dan kualiti kehidupan yang baik (khususnya di kawasan bandar) lebih banyak diutarakan oleh mereka. Hal inilah yang diujarkan oleh Gramsci bahawa rakyat mungkin boleh dipujuk oleh institusi sivil tetapi mereka juga akan sedar terhadap keperluan asasi mereka berdasarkan kepada pengalaman dan pembentukan idea yang diperolehi dari masa ke semasa. Pada masa-masa tertentu, rakyat akan mendesak kepada perubahan dan reformasi yang dirasakan berupaya memberikan kesejahteraan hidup yang lebih baik dan bebas daripada sebarang bentuk penindasan.

Bagi Sabah pula, permuafakatan politik yang dibentuk antara Parti Perikatan ataupun BN dengan Parti Perikatan Sabah (khususnya United Sabah National Organization-Sabah Chinese Association [USNO-SCA]) adalah bermula sekitar tahun 1967–1976 dan diikuti dengan keanggotaan rasmi Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA) dalam BN. BERJAYA seterusnya menguasai politik Sabah sehinggalah digantikan oleh Parti Bersatu Sabah (PBS) pada tahun 1985. Disebabkan oleh keretakan hubungan sehingga membawa PBS keluar

daripada keluarga BN pada tahun 1990, maka UMNO telah dibawa masuk ke Sabah pada tahun 1991 bagi memastikan kelangsungan dominasi hegemoni BN bertapak semula di Negeri Di Bawah Bayu ini. Dengan kemasukan UMNO, BN telah berjaya menawan semula Sabah dari PBS untuk berada di dalam jentera pentadbirannya. Pada hakikatnya, PBS masih berjaya memenangi Pilihan Raya Negeri 1994, akan tetapi disebabkan oleh peristiwa "lompat parti" oleh beberapa ahli politik PBS untuk menyertai UMNO, maka dominasi hegemoni BN di Sabah telah berputik semula hinggalah ke hari ini. Dalam erti kata yang lain, dominasi hegemoni BN di Sabah adalah berterusan kecuali pada era 1990–1994, apabila PBS berada di luar dari keanggotaan BN. Seperti yang dimaklumi, BN masih berjaya mengekalkan penguasaan dua pertiga kerusinya di Sabah dalam PRU12 dan juga PRU13 berbanding di Semenanjung yang dilihat semakin goyah. Hal ini secara tidak langsung menyatakan bahawa majoriti rakyat Sabah masih memberikan persetujuan mereka untuk BN mentadbir negeri ini. Penulis ingin mengaitkan kelangsungan hegemoni BN di Sabah ini dengan amalan dan praktik federalisme yang menjadi tunjang kepada hubungan dan interaksi antara Sabah dan Kerajaan Persekutuan sejak tertubuhnya Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Maknanya di sini, berasaskan kepada idea Gramsci, persetujuan (*consent*) sebahagian besar rakyat Sabah telah berhasil dijelmakan dalam semangat federalisme ini.

Bagi BN pula sebagai kelas pemerintah, federalisme dijadikan sebagai mekanisme pujukan agar rakyat Sabah terus mengangkat parti ini sebagai pembela rakyat dan pemangkin pembangunan sosio-ekonomi. Dalam masa yang sama, pelbagai konsesi juga diberikan khasnya hak autonomi kepada Sabah dalam Perjanjian Fasal Perkara 20 supaya hak dan kepentingan rakyat negeri ini dapat dipelihara dari masa ke semasa. Berlandaskan kepada ini, konteks pemahaman federalisme di Malaysia adalah merupakan suatu interaksi saling bergantung antara satu dengan yang lain iaitu antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang akhirnya membawa kepada kelangsungan dominasi hegemoni BN di Sabah. Sememangnya diakui bahawa banyak perdebatan dan kajian telah dilakukan tentang prinsip dan amalan federalisme. Secara amnya, federalisme membawa maksud suatu ideologi politik berasaskan kepada kewujudan institusi nasional (gabungan institusi persekutuan dan negeri) yang ingin menangani permasalahan dan cabaran sesebuah negara yang mempunyai bermacam-macam etnik, budaya, bahasa dan agama agar dapat bersatu dalam kepelbagaian. Ideologi federalisme ini tidak sukar untuk difahami, akan tetapi dari segi pelaksanaan, ia merupakan proses "tarik-tali" yang rumit antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Seringkali didakwa bahawa sesebuah Kerajaan Persekutuan telah "menceroboh" bidang kuasa dan autonomi sesebuah Kerajaan Negeri (Smith, 1995). Bagi Malaysia pula, pelaksanaan konsep federalisme adalah lebih bersandarkan kepada struktur perlembagaan yang menekankan kepada keistimewaan kaum pribumi dan juga hak autonomi yang telah diberikan kepada Sabah dan Sarawak (Mohammad Agus, 2006: 15–96).

Bertitik-tolak daripada ini, maka wujudlah pelbagai istilah seperti "*quasi Federation*", "*decentralised unitarianism*" dan lain-lain lagi bagi menyatakan bahawa budaya dan amalan praktikal federalisme di Malaysia adalah tidak menepati dengan semangat federalisme itu sendiri (Jawan, 2007; Hwang, 2003; Means, 1998).

Apapun pendapat dan kritikan yang dilontarkan, penulis bersetuju dengan pandangan Mohammad Agus bahawa untuk negara membangun seperti Malaysia bukanlah sesuatu yang perlu didebatkan tentang ciri-ciri model manakah paling sesuai bagi pembentukan kerajaan federalisme tetapi apa yang lebih penting ialah bagaimana ia berfungsi untuk mewujudkan kestabilan dan keamanan negara serta mampu memenuhi keperluan rakyat. Tambahan pula dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia, pelaksanaan federalisme ala-Malaysia ini telah didapati berupaya untuk mengawal ketegangan (kecuali sewaktu rusuhan kaum pada 13 Mei 1969) dan seterusnya memelihara keharmonian (walaupun tidak sempurna sifatnya) antara pelbagai kaum di negara ini (Mohammad Agus, 2006: 16–33). Rakyat Sabah, seperti yang dizahirkan dalam PRU13 yang lalu, rata-ratanya masih percaya kepada amalan federalisme di Malaysia sambil mengharapkan agar hak-hak autonomi Sabah terus dapat dipertahankan. Walau bagaimanapun, konsep federalisme ini boleh menjadi duri dalam daging jika ia tidak dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Hal ini kerana sebahagian besar isu yang dijaja oleh pihak pembangkang adalah berkait rapat dengan federalisme seperti isu royalti minyak petroleum, imigresen dan kebanjiran pendatang tanpa izin, status tanah pribumi dan lain-lain lagi yang tercakup di dalam Perkara 20.

Ringkasnya di sini, justifikasi gabungan konseptual hegemoni-federalisme di dalam kajian ini ialah untuk menerangkan bahawa amalan politik permuafakatan antara kelas-kelas pemerintah (dalam konteks Malaysia gabungan pelbagai parti dalam BN) telah lama terbentuk dan bersifat hegemoni. Kelangsungan hegemoni BN telah mendapat mandat persetujuan dari sebahagian besar rakyat Malaysia. Namun, penulis tidak beranggapan bahawa suatu revolusi besar dalam kalangan rakyat seperti yang diujarkan oleh Gramsci ataupun dalam dunia pemikiran Marxisme akan berlaku di Malaysia. Penulis percaya bahawa federalisme boleh menjadi pengimbang (*check and balance*) antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Dengan kefahaman yang tinggi tentang federalisme dan permuafakatan politik yang sihat (tanpa mengira ideologi politik yang memerintah negara), rakyat Malaysia dan rakyat Sabah khasnya akan terus memelihara keharmonian dan kestabilan negara. Namun, seandainya BN sudah tidak mampu memelihara semangat dan prinsip federalisme ini, maka tidak mustahil kelangsungan hegemoni BN akan terjejas di Sabah pada pilihan raya akan datang. Hal ini merupakan persoalan hubungan bersifat federalisme antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang seringkali menjadi bahan kritikan dalam kalangan beberapa pengkaji politik Sabah seperti Puyok (2013); Loh (2003; 2005); Chin (1999; 2004) dan lain-lain lagi. Antara isu yang

dibangkitkan termasuklah kemasukan parti UMNO ke Sabah, "gerrymandering" (persempadanan baru), pengundi hantu dan projek IC palsu, pendatang asing, pengagihan sumber ekonomi dan sebagainya yang dikaitkan dengan ketirisan pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

## **PERKEMBANGAN POLITIK DOMINASI BN DI SABAH**

Secara amnya, proses perkembangan dan kemunculan parti-parti politik di Sabah adalah diakui agak perlahan berbanding dengan suasana di Semenanjung. Parti-parti politik di Sabah hanya mula muncul sekitar awal tahun 1960-an atau lebih tepatnya pada tahun 1961 (Malakun, 1981: 119–180) dengan penubuhan dua parti politik iaitu United National Kadazan Organization (UNKO) dan United Sabah National Organization (USNO). Seiring dengan penubuhan dua parti ini, maka pelbagai parti baru telah muncul seperti Sabah Chinese Association (SCA), United Pasok Momogun (Pasok Momogun), Sabah Indian Congress (SIC), Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA), Parti Bersatu Sabah (PBS), Parti Angkatan Keadilan Rakyat (AKAR) dan lain-lain lagi. Penguasaan parti politik yang pernah mentadbir Sabah pula boleh dibahagikan kepada empat fasa. Fasa pertama ialah era gabungan Parti Perikatan Sabah, USNO-SCA dari tahun 1967–1976. Dari tahun 1976–1985 adalah era BERJAYA. Seterusnya fasa ketiga menyaksikan PBS mengambil alih tampuk pemerintahan Sabah dari BERJAYA iaitu dari tahun 1985 sehinggalah 1994. Manakala, fasa keempat menyaksikan dominasi Parti UMNO-BN sebagai tunjang komponen Parti BN di Sabah sejak dari tahun 1994 sehinggalah kini.

Dalam membincangkan susur-galur dominasi BN di Sabah, ia mungkin boleh dikaitkan dengan situasi dan hubungan akrab antara parti yang mentadbir Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Dalam era USNO-SCA, biarpun Parti Perikatan Sabah ini tidak menganggotai Parti Perikatan secara rasmi, namun hubungan antara Tun Datu Mustapha dan Tunku Abdul Rahman sememangnya rapat terutamanya dalam konteks penubuhan federalisme Malaysia. Akan tetapi perubahan mula berlaku apabila hubungan yang rapat tersebut menjadi renggang. Antara penyebab situasi ini ialah pertukaran pimpinan negara dengan Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri kedua dan juga disebabkan oleh luahan sinis Tun Datu Mustapha terhadap beberapa isu yang bersifat kritikal termasuklah menyuarakan semula status kuasa autonomi Sabah dan saranan membawa keluar Sabah dari Malaysia (Malakun, 1981: 155–156; Sabihah, 2008: 14–15). Berikutan daripada ini, Tun Abdul Razak telah memberikan sokongan kepada penubuhan Parti BERJAYA (Puyok, 2013: 226) yang pada mulanya dipimpin oleh Tun Fuad Stephens. Namun apabila bekas Ketua Menteri Sabah pertama ini terbunuh dalam nahas kapal terbang pada 6 Jun 1976, Datuk Harris Salleh telah menjadi Ketua Menteri Sabah yang baru sehinggalah ke tahun 1985. Diakui bahawa era BERJAYA ini mengukuhkan lagi dominasi BN di Sabah kerana parti



ini telah menjadi anggota rasmi BN. Bagaimanapun, disebabkan tercetusnya pergeseran antara Datuk Harris Salleh dengan beberapa menteri kabinet terutamanya dengan Tun Datu Abd. Hamid, Datu Mustapha dan salah seorang pemimpin Kadazandusun iaitu Datuk Joseph Pairin Kitingan serta pemulauan pentadbirannya terhadap Daerah Tambunan (Sabihah, 2008: 16), maka era BERJAYA pun berakhir dan digantikan pula oleh PBS.

Pada awal pentadbiran PBS, hubungan Sabah-Kuala Lumpur adalah dalam keadaan yang baik. Malah, PBS telah menjadi anggota keluarga BN dan secara tidak langsung dominasi BN terus mekar di Sabah. Akan tetapi, hubungan ini mulai keruh apabila PBS lebih banyak melaungkan slogan "hak Sabah untuk orang Sabah" yang berkisar tentang Perkara Fasal 201,<sup>1,2</sup> dasar Borneonisasi, royalti minyak, pendatang tanpa izin, status Labuan dan pelbagai lagi isu dan tuntutan yang dikemukakan. Hubungan yang mulai renggang ini menjadi parah apabila PBS mengisytiharkan keluar dari BN lima hari sebelum Pilihan Raya 1990 berlangsung dan menyertai gabungan parti pembangkang iaitu Semangat 46, DAP dan Parti Rakyat Malaysia. Walaupun PBS masih muncul pemenang dalam Pilihan Raya 1990 dan 1994, ia tidak dapat mengekalkan kuasanya pada awal pasca-Pilihan Raya 1994 disebabkan berlakunya tragedi lompat parti oleh sebahagian besar ahlinya. Beralihnya sokongan dari PBS ini juga boleh dikaitkan dengan tahap keretakan hubungan yang bertambah tenat antara Joseph Pairin dan Dr. Mahathir pada ketika itu. Malah, Dr. Mahathir telah membidas tindakan Joseph Pairin membawa keluar PBS dari BN dan menyifatkannya sebagai "menikam dari belakang."

Pengisytiharan PBS keluar dari BN telah membuka ruang kepada UMNO untuk bertapak di Sabah pada tahun 1991 dan seterusnya menggantikan PBS sebagai peneraju kepimpinan negeri pada tahun 1994 hingga ke hari ini. Tidak dinafikan bahawa sejak UMNO-BN memegang tampuk pemerintahan Sabah, dominasi hegemoni BN semakin kuat bertaut sehinggakan di dalam kempen-kempen pilihan raya, berdasarkan pemerhatian penulis sendiri, seringkali pihak pembangkang mengutarakan kritikan pedas ini: "...sampai mahu buat jambatan pun telefon KL". Maknanya di sini, Sabah diandaikan, khususnya oleh etnik pribumi (Jawan, 2009: 106) telah kehilangan kuasa autonominya apabila UMNO merajai kepimpinan BN di negeri ini. Keadaan ini mungkin boleh dikaitkan dengan beberapa situasi antaranya penggiliran jawatan Ketua Menteri (idea Dr. Mahathir) dalam kalangan tiga etnik utama iaitu Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina. Penggiliran jawatan Ketua Menteri dilaksanakan bagi menunaikan janji-manifesto BN pada Pilihan Raya 1994. Tempoh penggiliran kepada setiap Presiden parti komponen BN adalah selama dua tahun sahaja. Seramai tujuh orang pemimpin BN Sabah pernah memegang jawatan Ketua Menteri iaitu Tan Sri Sakaran Dandai, Datuk Salleh Said Keruak, Datuk Yong Teck Lee, Datuk Bernard Dompok (setahun sahaja kerana kalah dalam Pilihan Raya 1999), Datuk Osu Sukam, Datuk Chong Kah Kiat dan akhirnya Datuk Seri Musa Aman hingga kini. Bagaimanapun, aktiviti penggiliran ini akhirnya

ditamatkan sejak Musa Aman (UMNO-BN) menjadi Ketua Menteri Sabah pada tahun 2003 (Sabihah, 2008: 20–21).

Selain daripada itu, perhatian yang lebih serius telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Sabah terutamanya dari segi pengagihan sumber kewangan. Jika semasa era PBS, agihan kewangan kepada Sabah hanyalah sekitar RM2,253 juta (Rancangan Malaysia Kelima, 1986–1990) dan RM 2,307 juta sahaja (Rancangan Malaysia Keenam, 1991–1995), namun apabila Sabah di bawah era UMNO-BN, maka peruntukan kewangan dari Kerajaan Persekutuan telah meningkat iaitu sebanyak RM16,908 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006–2010. Agihan ini adalah memperuntukkan sejumlah RM15.65 bilion kepada negeri Sabah selain RM1.25 bilion di bawah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) (Puyok, 2013: 233; Institute for Development Studies, 2006). Seterusnya, UMNO juga dilihat telah mendominasi agihan kerusi dalam kalangan parti komponen BN terutamanya sejak Pilihan Raya 1999 iaitu dari 24 kerusi DUN hinggalah 32 kerusi DUN pada Pilihan Raya 2004 berbanding PBS yang memperoleh 13 kerusi, United Pasokmomogun Kadazandusun Murut Organisation (UPKO) lima kerusi, Sabah Progressive Party (SAPP) empat kerusi, Liberal Democratic Party (LDP) tiga kerusi, Malaysian Chinese Association (MCA) satu kerusi dan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) juga satu kerusi. Beberapa pemerhati politik melihat bahawa dominasi UMNO dalam BN-Sabah adalah disebabkan oleh proses persempadanan semula yang dibuat selepas Pilihan Raya Umum 1994 (Loh, 2003: 242–246; Puyok, 2013: 229). Sementara itu, BN yang diterajui oleh UMNO terus mendominasi setiap keputusan pilihan raya di peringkat DUN dari 1999 hinggalah 2013. Contohnya, dalam Pilihan Raya 1999, UMNO telah memenangi 24 kerusi DUN, SAPP (3), LDP (2) dan Parti Demokratik Sabah (PDS) (2). Manakala, parti pembangkang PBS berjaya memperoleh 17 kerusi DUN. Penguasaan ini diteruskan pada Pilihan Raya 2004, ditambah lagi dengan kemasukan semula PBS ke pangkuan BN pada tahun 2002, dengan memenangi 59 kerusi DUN (dari 60 kerusi DUN) dan 24 kerusi Parlimen (dari 25 kerusi Parlimen kesemuanya). Empat tahun kemudiannya, dengan menggunakan formula agihan kerusi yang sama pada tahun 2004, BN berjaya mengekalkan hegemoninya pada Pilihan Raya 2008 dengan mendapat jumlah yang sama iaitu sebanyak 59 kerusi DUN dan 24 kerusi Parlimen. Dari segi pecahan kerusi DUN, UMNO mendapat 32 kerusi, diikuti PBS (12), UPKO (6), SAPP (4), LDP (3), MCA (1) dan PBRS (1). Satu kerusi lagi berjaya ditawan oleh parti DAP (Sabah Election, 1999).

Berdasarkan kepada penjelasan di atas, sememangnya sesuatu yang nyata ialah betapa dominasi hegemoni BN terus kukuh di Sabah terutamanya sejak kemasukan UMNO ke negeri ini. Dalam pada itu, pelbagai kupasan mahupun kritikan telah dibuat bagi menganalisis setiap keputusan pilihan raya yang diadakan. Bagi penulis, kupasan dan huraian tentang keputusan PRU13 akan diberikan tumpuan khususnya tentang kelangsungan dominasi hegemoni BN di Sabah walaupun perkembangan politik di Semenanjung telah mencetuskan suatu

suasana politik baru yang tidak lagi memihak kepada BN seperti pada kebiasaannya.

### **MENUJU PRU13**

Pada 3 April 2013, Perdana Menteri dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong Malaysia telah mengisytiharkan pembubaran Parlimen. Bagi Najib Razak pula, tarikh 3 April dipilih kerana ia menunjukkan genapnya pemerintahan Perdana Menteri keenam ini selama empat tahun sejak mula mentadbir negara ini dari 3 April 2009 (*The Star*, 2013). Ekoran daripada pengumuman pembubaran ini, maka Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menetapkan tarikh mengundi pada 5 Mei dan hari penamaan calon pula pada 20 April 2013. Menuju ke tarikh 5 Mei ini, dengan jumlah kepadatan penduduk negeri Sabah berjumlah 3.3 juta orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012) dan mempunyai seramai 981,814 orang pengundi berdaftar, maka pelbagai strategi dan perancangan berkempen telah diatur oleh kesemua parti-parti yang bertanding. Jika di Semenanjung, bentuk persaingan lebih terarah kepada satu lawan satu antara BN dan PR (tanpa menafikan wujudnya beberapa pertandingan pelbagai penjurur) tetapi di Sabah berbeza ceritanya. Rata-rata parti politik pembangkang yang bertanding di Sabah terutamanya SAPP dan State Reform Party (STAR) enggan menerima seruan pemimpin PR, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk memastikan hanya terdapat pertembungan "satu lawan satu" sahaja di setiap kawasan untuk memberikan tentangan sengit kepada BN. Hal ini kerana parti-parti ini ingin membawa mesej dan agenda tersendiri yang dirasakan bersesuaian dengan aspirasi dan selera rakyat Sabah. Dengan demikian, apabila senarai calon yang layak bertanding diumumkan, maka didapati bahawa impian pemimpin PR itu tidak berkesampaian di Sabah.

Hasilnya senario pertandingan parti politik di Sabah adalah dari pelbagai penjurur bahkan Sabah mencatatkan jumlah calon parti teramai yang bertanding dalam satu-satu kawasan iaitu merujuk kepada kerusi Parlimen Kalabakan dan DUN Sulabayan di Sabah yang merekodkan pertandingan tujuh penjurur. Manakala, pertandingan melibatkan dua penjurur hanyalah tertumpu di kawasan DUN N59 Tanjung Batu (Datuk Hamisa Samat dari BN menentang calon PAS Fatmawaty Mohd. Yusof) dan Parlimen P186 Sandakan (Liew Vui Keong dari BN berhadapan cabaran calon DAP Wong Tien Fatt). Pada dasarnya, antara parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya 2013 seperti Barisan Nasional (BN), Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Democratic Action Party (DAP)—Parti PKR, PAS dan DAP telah membentuk gabungan parti pembangkang di peringkat kebangsaan yang dinamakan sebagai PR; State Reform Party (STAR), Sabah Progressive Party (SAPP), Parti Kesejahteraan Insan Tanah Air (KITA), Parti Bersatu Sasa Malaysia (BERSAMA) dan Parti

Bebas. Dari segi jumlah bilangan calon yang bertanding berdasarkan parti bagi kedua-dua kerusi DUN dan Parlimen pula adalah seperti yang tertera di Jadual 1:

Jadual 1: Jumlah bilangan calon bertanding berdasarkan parti

Bil.	Nama Parti	Kawasan DUN	Kawasan Parlimen
1.	BN	60 calon	25 calon
2.	PKR	43 calon	19 calon
3.	PAS	9 calon	2 calon
4.	DAP	8 calon	4 calon
5.	STAR	49 calon	21 calon
6.	SAPP	41 calon	8 calon
7.	KITA	1 calon	1 calon
8.	BERSAMA	3 calon	TB
9.	Calon Bebas	49 calon	15 calon
Jumlah Calon		263 calon	95 calon

Nota: TB–Tidak bertanding.

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (2013).

Merujuk kepada Jadual 1, BN telah meletakkan kesemua calonnya di DUN (60 kerusi) dan Parlimen (25 kerusi). Bagi pihak PR, parti PKR mendominasi pencalonan dengan 43 calon DUN dan 19 calon Parlimen, diikuti oleh PAS 9 calon DUN dan 2 calon Parlimen dan DAP dengan 8 calon DUN dan 4 calon Parlimen. Manakala, Parti SAPP yang dipimpin oleh bekas Ketua Menteri Sabah Datuk Yong Teck Lee bertanding sebanyak 41 kerusi DUN dan 8 kerusi Parlimen. STAR pula yang diterajui oleh Datuk Jeffrey Kitingan (adik kepada Datuk Joseph Pairin Kitingan, Presiden PBS) mencuba nasib di 49 kerusi DUN dan 21 kerusi Parlimen. Apa yang lebih menarik lagi ialah keterujaan calon-calon Bebas yang bertanding di 49 kerusi DUN dan 15 kerusi Parlimen dalam pilihan raya 2013 ini.

Jika diamati pola pencalonan setiap parti, ia masih berasaskan kepada elemen demografi terutamanya dalam konteks kedudukan dan petempatan sesuatu etnik majoriti dalam satu-satu kawasan mengundi di Sabah. Hal ini boleh dikaitkan dengan BN-Sabah yang mempunyai komponen pelbagai parti iaitu UMNO, PBS, LDP, UPKO, PBRS, MCA dan GERAKAN, telah cenderung untuk meletakkan senarai calonnya mengikut jumlah majoriti sesuatu etnik dalam setiap kawasan DUN dan Parlimen. Sebagai contoh, 14 kerusi Parlimen dan 32 kerusi DUN yang diperuntukkan untuk UMNO adalah rata-ratanya mempunyai purata peratusan sekitar 49% hingga 93% bumiputera Islam. Kawasan DUN dan Parlimen yang majoriti penduduknya adalah dari suku Kadazandusun dan Murut akan diberikan kepada PBS (13 DUN, 5 Parlimen), UPKO (6 DUN, 4 Parlimen)

dan PBRS (1 DUN, 1 Parlimen). Lokasi majoriti etnik Kadazandusun dan Murut ini adalah seperti (berdasarkan kawasan Parlimen supaya ruang-lingkup lebih luas) Kota Marudu, Tuaran, Penampang, Ranau, Keningau dan Pensiangan. Walau bagaimanapun terdapat juga beberapa calon PBS berdarah Tionghua bertanding di kawasan majoriti kaum Cina seperti Chin Tek Ming di Parlimen P172 Kota Kinabalu, Yee Moh Chai di DUN N15 Api-Api dan Fung Len Fui di DUN N57 Sri Tanjong. Parti LDP (4 DUN, 1 Parlimen), MCA (2 DUN sahaja) dan GERAKAN (2 DUN sahaja) pula bertanding di kawasan majoriti kaum Cina. Bagi parti-parti pembangkang pula (termasuklah juga calon-calon Bebas) senarionya adalah hampir sama dengan pendekatan BN. Parti gabungan PR (PKR, PAS dan DAP) contohnya telah meletakkan calon mereka berdasarkan kepada faktor demografi sesuatu kawasan. Namun terdapat juga beberapa calon gabungan PR yang bertanding di luar daripada norma-tradisi ini seperti calon DAP Jeffrey Kumin@John di Parlimen P171 Sepanggar dan calon PKR Fred Gabriel DUN N22 Pantai Manis yang purata majoriti penduduk di kedua-dua kawasan adalah etnik bumiputera Islam (sekitar 51%–63%) serta calon PKR Ahmad Shah DUN N33 Bingkor dengan peratus etnik bumiputera bukan Islam sebanyak 60.34% (kawasan DUN ini juga ditandingi oleh Presiden Parti STAR, Datuk Jeffrey Kitingan). Dalam erti kata yang lain, tatkala PKR dan DAP lebih menumpukan perhatian kepada kawasan yang lebih bersesuaian dengan calon dan aspirasi pengundi lokal (calon PKR juga adalah pelbagai dan bukan sahaja dari kaum bumiputera Islam), PAS juga telah diberikan kawasan yang majoriti penduduknya beragama Islam seperti N3 Pitas, N6 Tempasok, N17 Tanjong Aru, N48 Sukau, N51 Kunak, N54 Bugaya, N58 Merotai, N59 Tanjong Batu, N60 Sebatik, P185 Batu Sapi dan P191 Kalabakan.

Selanjutnya, bagi parti STAR dan SAPP, kedua-dua parti ini juga mengambil kira faktor demografi. Namun, terdapat pencalonan agak janggal terutamanya bagi STAR seperti meletakkan calon bumiputera bukan Islam Velentine@Renggers Sebastian di N51 Kunak yang mempunyai penduduk majoriti bumiputera Islam sebanyak 76.4%. Tentang pendekatan SAPP pula mungkin ini adalah sesuatu yang menarik untuk diperhatikan. Selain daripada lebih memfokus kepada kawasan kaum Cina dan bumiputera bukan Islam, SAPP tidak bertanding dalam beberapa kawasan yang sebahagian besar penduduknya beragama Islam contohnya N8 Usukan, N10 Sulaman, N18 Petagas, N52 Sulabayan, N53 Senallang, N54 Bugaya, N51 Kunak, P189 Semporna dan lain-lain. Kebarangkalian SAPP tidak meletakkan calon di kawasan-kawasan tersebut mungkin juga boleh dikaitkan dengan kesukaran mencari calon sesuai dalam kalangan kaum bumiputera Islam disebabkan oleh imej parti SAPP yang lebih menjurus kepada etnik Cina. Tetapi sesuatu yang lebih jelas dalam percaturan SAPP ialah parti ini dilihat cenderung untuk mengelakkan diri dari bertanding di kawasan-kawasan yang sudah dikenal pasti calonnya memiliki populariti dan amat dikenali dalam kalangan penduduk kawasan terbabit. Sebagai contoh, N8 Usukan (Datuk Seri Salleh Said Keruak UMNO-BN), N10 Sulaman (Datuk

Hajiji Noor UMNO-BN), N18 Petagas (Datuk Yahya Hussin UMNO-BN), N30 Karanaan (Datuk Masidi Manjun UMNO-BN), N32 Tambunan (Tan Sri Joseph Pairin Kitingan PBS-BN), N33 Bingkor (Datuk Dr. Jeffrey Kitingan STAR), P169 Kota Belud (Datuk Abdul Rahman UMNO-BN), P170 Tuaran (Datuk Madius Tangau UPKO-BN), P174 Penampang (Tan Sri Bernard Dompok UPKO-BN), P175 Papar (Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin UMNO-BN), P177 Beaufort (Datuk Seri Lajim Hj. Ukin PKR), P180 Keningau (Tan Sri Joseph Pairin Kitingan PBS-BN), P182 Pensiangan (Tan Sri Joseph Kurup PBRS-BN), P187 Kinabatangan (Datuk Bung Moktar Radin UMNO-BN), P189 Semporna (Datuk Shafie Apdal UMNO-BN) dan P191 Kalabakan (Datuk Abdul Ghapur Salleh UMNO-BN). Keadaan ini walau bagaimanapun bukan bermaksud tidak ada langsung calon SAPP dalam menghadapi calon yang dianggap popular (antara kawasan-kawasan bercalon popular yang diberikan saingan oleh SAPP termasuklah N42 Sungai Sibuga – Datuk Seri Musa Aman UMNO-BN dan P176 Kimanis – Datuk Seri Anifah Aman UMNO-BN) tetapi sama ada suka ataupun tidak sememangnya wujud kecenderungan tersebut.

Seterusnya, antara persaingan calon-calon parti yang bertanding terdapat 10 kawasan mengundi yang dikenal pasti akan lebih mencuit tumpuan. Kawasan-kawasan tersebut adalah kawasan Parlimen Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Beaufort, Tuaran, Penampang, Sepanggar, Pensiangan, Kota Belud dan Kota Marudu (*Daily Express*, 2013c). Tanggapan ini mungkin dikaitkan dengan calon-calon yang bertanding di kawasan ini yang boleh dianggap sebagai berprofil tinggi seperti Datuk Maximus Ongkili, Tan Sri Bernard Dompok, Tan Sri Joseph Kurup, Datuk Liew Vui Keong dan lain-lain. Walau bagaimanapun kawasan yang dirasakan "paling panas" ialah Beaufort dan Tuaran. Hal ini kerana kedua-dua calon dari kawasan ini iaitu Datuk Seri Lajim Hj. Ukin (Beaufort) dan Datuk Seri Wilfred Bumburing (Tuaran) adalah ahli dan calon yang mengisytiharkan keluar dari parti BN dan bertanding sebagai calon PKR dalam Pilihan Raya 2013. Bersandarkan kepada fakta ini, sudah pasti perhatian akan lebih tertumpu kepada natijah keputusan pilihan raya di kedua-dua kawasan ini nanti.

Isu-isu yang dijaja semasa kempen pilihan raya ini pula adalah penuh dengan rencam dan kepelbagaian. BN-Sabah dengan motonya "Janji DiTepati" terus menjanjikan pembangunan berterusan terhadap negeri Sabah jika diberikan mandat baru. BN juga berusaha dengan keras memberikan respon dan reaksi tersendiri dalam menangani pelbagai isu dan janji yang ditabur oleh pihak pembangkang khasnya gabungan PR dalam isu-isu nasional seperti pendidikan secara percuma, kenaikan royalti minyak sebanyak 20% bagi Sabah dan lain-lain lagi. Manakala bagi SAPP dan STAR pula, mereka cuba memancing undi rakyat Sabah dengan mencanang isu-isu yang bersifat tempatan seperti Fasal Perkara 20, status kuasa autonomi Sabah dalam Perlembagaan Persekutuan, isu tanah pribumi (*native land*), pendatang tanpa izin, kad pengenalan palsu, konsep "Borneonisasi" dan berbagai-bagai lagi isu (berkait rapat dengan federalisme).

### **KEPUTUSAN PILIHAN RAYA SABAH 2013**

Berakhirnya proses pengundian dan pengiraan semua kertas-kertas undi di seluruh negara, pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menerusi pengerusinya Abdul Aziz Mohd. Yusof telah mengisytiharkan kemenangan majoriti mudah BN dalam PRU13. BN telah berjaya memperoleh 133 kerusi Parlimen dan 275 kerusi DUN daripada sejumlah 222 kerusi Parlimen dan 505 kerusi DUN (Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2013). Kemenangan ini dianggap majoriti mudah kerana tidak mencapai jumlah dua pertiga khususnya dari jumlah 222 kerusi Parlimen yang diidamkan oleh BN dalam setiap pilihan raya yang diadakan. Walau bagaimanapun, dalam konteks negeri Sabah pula, seperti yang telah disebutkan sebelum ini kerajaan BN-Sabah yang ditunjangi oleh UMNO terus mampu mengekalkan kemenangan majoriti dua pertiga dalam kedua-dua kerusi Parlimen dan DUN. BN-Sabah telah memenangi 22 kerusi Parlimen dan 48 kerusi DUN dari 25 kerusi Parlimen dan 60 kerusi DUN Sabah (*Harian Ekspres*, 2013). Dari segi pencapaian komponen parti BN, UMNO berhasil menguasai kesemua 14 kerusi Parlimen dan hanya terlepas 1 kerusi sahaja iaitu DUN Klias dari 32 kerusi yang ditandingi. Keterangan lebih lanjut tentang pencapaian BN dan kesemua parti-parti yang bertanding adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2.

Berdasarkan kepada Jadual 2, sememangnya BN-Sabah telah sekali lagi diberi mandat baru oleh rakyat untuk mentadbir sekurang-kurangnya lima tahun lagi. Di sebalik kemenangan ini, terdapat sedikit kemerosotan dari segi jumlah kerusi yang dimenangi oleh BN-Sabah pada Pilihan Raya 2008 yang lalu iaitu hanya kehilangan satu kerusi di Parlimen P172 Kota Kinabalu dan N57 Sri Tanjong kepada DAP. Akan tetapi, pada kali ini, BN-Sabah mengalami kekalahan sebanyak 12 kerusi DUN dan tiga kerusi Parlimen. Parti komponen BN-Sabah pula yang kehilangan banyak kerusi ialah PBS dengan tujuh kerusi (enam kerusi DUN dan satu Parlimen). Bagi PR pula, keputusan pilihan raya kali ini merupakan satu lagi momentum yang baik bagi gabungan ini apabila berjaya menambah koleksi kerusi sejak gelombang PRU12. Sebagai contoh, PKR yang sebelum ini gagal mendapatkan sebarang kerusi telah berjaya menawan tujuh kerusi DUN dan satu kerusi Parlimen. Sesuatu yang lebih menarik ialah kemenangan calon Parlimen PKR Ignatius Dorell Leiking mengatasi calon UPKO-BN Tan Sri Bernard Giluk Dompok (bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri) di P174 Penampang dengan majoriti undi yang lebih besar iaitu 10,216 undi. Pada tahun 2008, Bernard Dompok memenangi kawasan ini dengan majoriti undi 3,063 undi. DAP pula terus selesa di Sabah dengan pertambahan kerusi sebanyak enam kerusi (empat kerusi DUN dan dua kerusi Parlimen) berbanding hanya dua kerusi pada tahun 2008.

Jadual 2: Jumlah bilangan kerusi yang dimenangi berdasarkan parti

Bil.	Nama Parti	Kawasan DUN	Kawasan Parlimen
1.	BN	48 kerusi (60)	22 kerusi (25)
<b>Komponen Parti BN-Sabah</b>			
(a)	UMNO	31 kerusi (32)	14 kerusi
(b)	PBS	7 kerusi (13)	4 kerusi (5)
(c)	UPKO	4 kerusi (6)	3 kerusi (4)
(d)	PBRS	1 kerusi (1)	1 kerusi (1)
(e)	LDP	3 kerusi (4)	0 kerusi (1)
(f)	MCA	0 kerusi (2)	TB
(g)	Gerakan	2 kerusi (2)	TB
<b>Pakatan Rakyat (PR)</b>			
(a)	PKR	7 Kerusi (43)	1 Kerusi (19)
(b)	PAS	0 Kerusi (9)	0 Kerusi (2)
(c)	DAP	4 Kerusi (8)	2 Kerusi (4)
<b>Parti Lain dan Calon Bebas</b>			
(a)	STAR	1 Kerusi (49)	0 Kerusi (21)
(b)	SAPP	0 Kerusi (41)	0 Kerusi (8)
(c)	KITA	0 Kerusi (1)	0 Kerusi (1)
(d)	BERSAMA	0 Kerusi (3)	TB
(e)	Calon Bebas	0 Kerusi (49)	0 Kerusi (15)
<b>Jumlah Kerusi</b>		<b>60 Kerusi</b>	<b>25 Kerusi</b>

Nota: Angka dalam kurungan bermaksud jumlah kerusi yang ditandingi; TB: Tidak bertanding.  
Sumber : Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (2013).

Anggota komponen PR yang ketiga iaitu PAS, walaupun gagal memperoleh sebarang kerusi, tetapi menurut Pesuruhjaya PAS Sabah Hj. Mohd. Aminuddin Aling, jumlah undi bagi calon-calon PAS yang bertanding telah meningkat contohnya calon PAS di N17 Tanjong Aru Hamidi Ismail dan N58 Merotai Ahmad Dullah yang masing-masing mendapat undi sebanyak 5,409 dan 3,957 undi. Selain daripada itu, daripada 11 calon yang bertanding hanya tiga calon PAS yang kehilangan wang pertaruhan iaitu di N3 Pitas N51 Kunak dan N54 Bugaya (*The Borneo Post*, 2013a). Namun demikian, menurut Ketua Pemuda PAS Sabah, En. Lahirul Latigu, kehilangan deposit parti ini di kawasan majoriti masyarakat bumiputera Islam khususnya di Kunak adalah sesuatu yang di luar jangkaan dan memerlukan kajian yang mendalam.<sup>3</sup> Manakala bagi STAR and SAPP, kedua-duanya boleh dikatakan gagal mencapai matlamat perjuangan



mereka untuk memenangi sebanyak kerusi Parlimen dan DUN apatah lagi menumbangkan kerajaan BN-Sabah. Parti STAR hanya mampu memiliki satu kerusi DUN N33 Bingkor atas kemenangan menerusi pengerusinya sendiri Dr. Jeffrey Kitingan. Parti SAPP pula pulang dengan tangan kosong tanpa memperoleh sebarang kerusi sama ada di peringkat DUN ataupun Parlimen. Malah, Datuk Yong Teck Lee sendiri telah gagal mempertahankan kerusi DUN N14 Likas yang dimenanginya pada tahun 2008 dengan majoriti tipis 862 undi. Presiden SAPP ini telah tewas di tangan calon DAP Wong Hong Jun dengan majoriti besar 5,652 undi. Kegagalan SAPP ini juga dirasai bersama oleh kesemua calon parti-parti yang lain dan calon Bebas yang gagal dalam misi mereka untuk mendatangkan impak yang besar dalam PRU13 ini.

Pada hakikatnya kemenangan BN-Sabah pada PRU13 ini telah mengundang bermacam-macam komen dan pandangan berbeza dari pelbagai pihak. Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman menyifatkan kemenangan ini sebagai "kemenangan bersama rakyat" dan juga mengucapkan terima kasih kepada jentera parti untuk memastikan kejayaan yang berprestasi baik (*New Sabah Times*, 2013a). Datuk Yong Teck Lee pula menyelar kekalahan teruk SAPP sebagai mangsa percaturan dua pertembungan antara BN dan PR yang disifatkannya sebagai "dua parti dalam satu sistem" (*two parties and one system*) iaitu kedua-duanya mewakili dominasi pentadbiran Persekutuan terhadap Sabah – *KL-centric Federal Government* (Khabil, 2013). Sementara itu, dalam menyatakan kebimbangan berterusan terhadap status autonomi Sabah, Dr. Jeffrey Kitingan membuat sindiran sinis terhadap kemenangan BN-Sabah dengan berkata; "*Sometimes they may win the seat but they may not have won the majority votes of the people*" (dipetik dari Dol, 2013). Kenyataan Pengerusi STAR ini merujuk kepada persaingan di P180 Keningau yang menyaksikan jumlah undi pembangkang (STAR: 11,900 undi dan PKR: 7,825 undi) mengatasi undi calon abangnya Datuk Joseph Pairin Kitingan yang menerima undi sebanyak 15,818 undi. Pandangan Pengerusi STAR ini mungkin ada kebenarannya. Jika dilihat dari segi kerusi memang ternyata BN-Sabah terus menguasai pundak politik Sabah. Namun, jika dianalisis jumlah dan peratusan keseluruhan undi terdapat penurunan undi BN dalam kawasan-kawasan yang diwakili kebanyakannya oleh calon kaum Kadazandusun dan Murut (mewakili PBS, UPKO dan PBRs) seperti kawasan Parlimen Kota Marudu, Ranau, Keningau dan Tenom serta juga di beberapa kawasan DUN termasuklah Kiulu (calon BN Datuk Joniston Bangkuai memenangi dengan majoriti undi yang paling sedikit iaitu sebanyak 44 undi sahaja), Karanaan, Liawan dan Nabawan. Bahkan, seperti yang dimaklumkan sebelum ini, beberapa kerusi dari kawasan ini juga telah dikuasai oleh pembangkang. Senario penurunan undi dan kekalahan calon BN di kawasan-kawasan yang disebutkan adalah disebabkan berlakunya peningkatan undi khasnya bagi parti STAR dan PKR yang juga jika digabungkan undi kedua-dua parti ini akan menyebabkan seseorang calon BN mengalami kekalahan di beberapa kawasan tertentu termasuklah Parlimen Keningau.

Berkenaan dengan undi kaum Cina pula yang disifatkan di Semenanjung berhadapan dengan gelombang "tsunami politik Cina", adalah tidak dinafikan bahawa berlaku peningkatan undi bagi DAP. Namun, parti-parti kaum Cina di Sabah seperti LDP dan GERAKAN masih mampu berpuas hati apabila berjaya menguasai beberapa kerusi dalam Pilihan Raya 2013 ini. LDP hanya tewas di dua kawasan iaitu P186 Sandakan dan N14 Likas kepada calon-calon DAP. Menurut Presiden parti ini, Datuk V. K. Liew, LDP tetap berpuas hati dengan kemenangan di tiga kawasan DUN sambil menyifatkan kekalahannya di Parlimen Sandakan bukanlah sesuatu yang mudah kerana undi yang diraih menzahirkan peningkatan sebanyak 5,000 undi jika dibandingkan dengan PRU12 (*New Sabah Times*, 2013b). Parti GERAKAN pula berjaya mempertahankan kemenangan di dua kawasan majoriti etnik Cina iaitu N45 Elopura dan N46 Tanjong Papat walaupun dengan majoriti undi yang agak merosot iaitu sebanyak 251 undi (2008 Elopura: 5,409) dan 1,522 undi (2008 Tanjong Papat: 3,926). Hanya MCA sahaja yang menjadi mangsa kepada populariti meningkat DAP iaitu di N16 Luyang dan N19 Kapayan. Kedua-dua calon MCA kalah teruk kepada calon DAP dengan hanya memperoleh 2,537 undi (Luyang) dan 5,733 (Kapayan) berbanding calon DAP yang masing-masing mendapat 11,213 undi dan 13,020 undi.

Tatkala berlakunya beberapa kemerosotan undi bagi sesetengah calon BN, pada masa yang sama terdapat juga peningkatan jumlah undi dalam kebanyakan kawasan yang ditandingi oleh BN-Sabah khususnya oleh UMNO seperti 12 kawasan Parlimen (Kudat, Kota Belud, Putatan, Papar, Kimanis, Sipitang, Beluran, Libaran, Kinabatangan, Silam, Semporna dan Tawau) dan beberapa kawasan DUN (Tandek, Tempasuk, Usukan, Sulaman, Karambunai, Kawang, Pantai Manis, Kuala Penyu, Sindumin, Sekong, Kuamut, Sukau, Tungku, Kunak, Balung, Apas, Tanjong Batu dan Sebatik) dengan purata majoriti undi sekitar 5,000–20,000 bagi Parlimen. Contohnya di kawasan P189, calon BN Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal merakamkan majoriti tertinggi dengan 20,905 undi dan 5,000–11,000 untuk DUN. Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman di N42 Sungai Sibuga meraih kemenangan besar dengan jumlah majoriti 11,569 undi biarpun berhadapan dengan pertandingan lima penjur (Utusan Borneo, 2013). Dalam erti kata yang lain, walau apa jua pandangan dan ulasan yang telah dilontarkan, BN-Sabah jelas telah kembali semula untuk mentadbir jentera pentadbiran kerajaan negeri Sabah. Oleh yang demikian, analisis berikutnya akan cuba memfokus tentang kejayaan BN-Sabah meneruskan kelangsungan dominasi hegemoninya dan kemampuan pihak pembangkang menambah jumlah kerusi dalam PRU13.

### **ANALISIS KEPUTUSAN PRU13**

Perbincangan senario pasca-PRU13 akan bermula dengan kupasan kejayaan BN Sabah mengekalkan dominasi hegemoni dan kemudiannya diikuti tentang

kemampuan pihak pembangkang menambah jumlah kerusi di kedua-dua Parlimen dan DUN. Hal ini berbeza sedikit dengan beberapa tulisan sebelumnya seperti Loh (2003; 2005), Puyok (2013) dan Chin (1999; 2004) yang lebih banyak menumpukan kepada persoalan ketelusan, mekanisme BN yang dianggap kurang demokratik di samping pelbagai elemen tambahan seperti projek IC, pengundi hantu dan sebagainya. Pada dasarnya, penulis tidak akan mengesampingkan isu dan persoalan yang diutarakan oleh mereka. Namun realiti sebenar keperluan Sabah dan rakyatnya perlu juga diambil kira terutamanya dalam aspek pembangunan. Maknanya di sini, walau parti manapun yang sedang dan bakal memerintah Sabah, agenda pembangunan sosio-ekonomi adalah sesuatu yang perlu diberikan perhatian. Keupayaan BN-Sabah meneruskan kelangsungan dominasi hegemoninya merupakan persoalan yang seringkali mengundang pelbagai reaksi dan jawapan yang berbeza. Mungkin sesetengah kajian akan lebih memberi fokus kepada aktiviti-aktiviti kelas pemerintah yang dianggap tidak demokratik dan bersifat berat-sebelah terhadap pihak pembangkang dan juga rakyat. Bagi pihak yang lain pula, khasnya yang dikelompokkan sebagai "mata dan telinga kerajaan" akan berpendapat sebaliknya iaitu mereka mengandaikan bahawa parti yang memerintah telah melakukan sebaiknya, dengan demikian majoriti rakyat telah memberikan semula mandat baru dalam pilihan raya kali ini.

Mengimbangi kedua-dua pandangan ini sudah semestinya sesuatu yang sukar. Walau bagaimanapun, bersandarkan kepada kerangka konseptual "hegemoni-federalisme" yang telah dibincangkan sebelum ini, sedikit-sebanyak ia membantu penulis dalam menghuraikan kelangsungan hegemoni BN di Sabah. Perkara yang ingin ditekankan di sini ialah tidak dinafikan bahawa BN telah menjadikan tema pembangunan berterusan sebagai inisiatif manifestonya dalam PRU13. Tema ini dianggap bersesuaian semata-mata kerana ia bertepatan dengan keperluan negeri Sabah dan rakyatnya. Dalam konteks yang lain iaitu dengan mengaitkan pandangan Gramsci, ini boleh dianggap sebagai mekanisme pujukan dan juga tanggungjawab kerajaan yang memerintah (bukan sahaja BN) supaya rakyat terus memberikan persetujuan dan sokongan kepada kelas pemerintah. Rakyat Sabah pula, sesudah melalui banyak proses pilihan raya ditambah dengan suasana di Semenanjung telah menjadikan mereka semakin matang dalam menjalankan hak sebagai pengundi. Mereka mula mempersoalkan hak-hak autonomi Sabah khasnya dan beberapa isu di peringkat nasional yang acapkali juga dijadikan bahan jajaan pihak pembangkang. Hal inilah yang penulis maksudkan iaitu di sebalik persetujuan sebahagian besar rakyat Sabah terhadap kelangsungan hegemoni BN tetapi ia adalah bersyarat iaitu pihak kerajaan sekarang mestilah memastikan pelaksanaan prinsip dan falsafah federalisme dapat dilaksanakan sebaiknya dengan mengambil kira kepentingan kebajikan Sabah. Sekiranya Kerajaan Persekutuan gagal dalam hal ini, maka hegemoni BN bakal terhakis dalam lanskap politik Sabah. Dengan demikian, dapat dinyatakan di sini bahawa wujudnya proses interaksi dalam kerangka konseptual penulis

antara hegemoni (pujukan) dan federalisme (konsesi) iaitu federalisme itu sendiri berfungsi sebagai pengimbang dan pengawal dalam konteks hubungan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi memastikan kelangsungan dominasi hegemoni BN di Sabah.

## **BN DAN TEMA PEMBANGUNAN**

Sama ada tema pembangunan oleh BN dianggap sebagai mekanisme pujukan ataupun tidak, ia adalah suatu kemestian bagi negeri Sabah. Malah, keperluan rakyat Sabah kepada pembangunan berterusan pada masa hadapan dipersetujui oleh Datuk Hj. Azizah Datuk Seri Panglima Hj. Mohd. Dun, Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap ahli Parlimen Beaufort dan kedua-dua generasi pemimpin muda masa kini iaitu Mohamad Alimin, wakil rakyat BN bagi DUN N23 Bongawan dan Lahirul Latigu, Ketua Pemuda PAS Sabah.<sup>4,5,6</sup> Bagaimanapun, mereka mengesyorkan supaya tema pembangunan di negeri ini seimbang dari segi fizikal dan juga pembentukan sosial dan minda.

Dalam konteks projek pembangunan di Sabah, ia telah mula dilaksanakan sejak pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga (1976–1980) lagi iaitu satu Pelan Induk direncanakan untuk pembangunan negeri Sabah dengan tujuan menggabungkan peluang pembangunannya termasuk membuka tanah baru, menambah kemudahan infrastruktur dan menggalakkan perkembangan perusahaan dan perlombongan di samping penekanan kepada penyertaan masyarakat pribumi dalam kek ekonomi negeri (Ishak, 2002: 16–38). Ekonomi Sabah pada awalnya banyak bergantung kepada hasil pembalakan dan pertanian seperti tanaman minyak sawit, getah dan koko (menyumbang sebanyak 23%), yang telah berjaya menjadikan negeri ini antara yang berpendapatan tinggi dalam sekitar tahun 1980-an (Hwang, 2003: 232). Akan tetapi menjelang tahun 1990-an kadar pendapatan perkapita negeri Sabah mula merosot daripada 0.88% pada tahun 1990 kepada 0.61% pada tahun 1995. Pada tahun 2010, keluaran negara kasar (KNK) perkapita Sabah terus malap dengan hanya mencapai sebanyak RM17,242 juta berbanding kadar KNK perkapita nasional iaitu berjumlah RM27,113 juta. Malah kadar kemiskinan di Sabah terus mencatat yang tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak 19.7% pada tahun 2009. Bukan itu sahaja, jurang perbezaan pendapatan rakyat Sabah semakin besar iaitu jumlah pendapatan masyarakat luar bandar hanya menyamai 60% pendapatan komuniti bandar (Unit Perancang Ekonomi, 2013).

Banyak elemen dan angkubah yang menyebabkan kemalapan ekonomi Sabah antaranya termasuklah sumber hasil balak yang semakin berkurangan (pernah mencatat lebih 50% daripada jumlah pendapatan dan kini mewakili 22% atau sebanyak RM385 juta daripada keseluruhan sektor ekonomi Sabah) dan tumpuan penanaman semula lebih difokuskan pada ketika ini. Di samping itu,

elemen dasar fiskal domestik yang tidak begitu memihak kepada kerajaan negeri termasuklah kadar hutang sekitar 30.6% (2010) disebabkan oleh penawaran kadar pinjaman bon (RM544 juta) dan hutang baru (RM168 juta) oleh Kerajaan Persekutuan untuk menampung projek pembangunan pembekalan air dan rumah kos rendah turut menghimpit pertumbuhan ekonomi (Malaysian Rating Corporation Berhad, 2011; Institute for Development Studies, 2006).

Berkesinambungan daripada ini, dengan mengambil kira kekuatan fizikal bumi Sabah yang memiliki kesuburan tanah sebanyak 30% dan kawasan hutan antara tertua di dunia merangkumi 60% daripada keseluruhan keluasan 73,620 km persegi ataupun 7.362 juta hektar (Unit Perancangan Ekonomi Negeri Sabah, 2013; Jabatan Tanah dan Ukur Sabah, 2013), maka pelbagai projek pembangunan berterusan telah dilaksanakan. Antaranya adalah seperti penubuhan Koridor Pembangunan Sabah pada tahun 2008 yang telah berjaya mencatatkan pelaburan asing dan domestik yang tinggi iaitu sebanyak RM112.8 bilion. Selain daripada itu, Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh telah memperuntukkan sejumlah RM24.8 bilion untuk mengatasi kadar kemiskinan di Sabah melalui beberapa program termasuklah pembangunan infrastruktur asas luar bandar, pendidikan dan perumahan. Hasil daripada program ini, kadar kemiskinan di negeri Sabah telah menurun kepada 8.1% pada tahun 2012 dari 19.7% pada tahun 2009. Pendapatan isi rumah juga telah meningkat sebanyak 29.4% dari RM3,012 pada tahun 2009 kepada RM4,013 pada tahun 2012. Manakala, Program 1AZAM (Akhiri Zaman Miskin) yang diperuntukkan belanjawan sebanyak RM293.5 juta, telah membantu seramai 27,540 individu berpendapatan rendah di Sabah hingga Jun 2013. Selain daripada itu, menerusi Program Transformasi Kerajaan, Sabah telah mengecap pelbagai kemajuan dalam pembangunan sosial dan infrastruktur, termasuk pembinaan dan menaik taraf 1,270 kilometer jalan luar bandar sejak 2010, menyediakan 41,443 rumah di kawasan luar bandar yang dilengkapi kemudahan elektrik sejak 2010; 97,568 rumah di kawasan luar bandar yang disediakan perkhidmatan air bersih sejak 2010 (Oxford Business Group Economic, 2012a; 2012b).

Selanjutnya, projek Sabah Oil and Gas Terminal (SOGT) di Kimanis yang menelan belanja berbilion ringgit juga telah dilancarkan bagi memastikan rakyat Sabah tidak terpinggir dalam arus pembangunan negara. Projek SOGT Kimanis yang diterajui oleh Petrolia Nasional Berhad (PETRONAS) menelan belanja sebanyak RM3.8 bilion. Projek mega ini diharap dapat memacu pembangunan serta merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi di negeri Sabah, khususnya dalam menyediakan peluang-peluang perniagaan kepada para pengusaha dalam kalangan warga profesional Sabah dan menilai-tambah bidang dan ruang pekerjaan kepada rakyat Sabah. Hasil dari pembangunan ini juga, beberapa sub-projek akan bercambah seperti yang dapat dilihat sekarang ini iaitu penubuhan Sabah Ammonia Urea (SAMUR) di Sipitang, sebuah kilang bersaiz mega untuk memproses baja hasil dari sisa buangan petroleum. Manakala, projek Palm Oil Industrial Cluster (POIC) di Lahad Datu juga dianggap mampu untuk

merangsang lagi sektor pertanian dan industri minyak sawit sekaligus mempercambah pelan pembangunan di Pantai Timur Sabah. Projek ini dianggarkan akan menjana pendapatan sebanyak RM4 bilion setahun kepada negeri Sabah serta lebih dari 100 ribu peluang pekerjaan kepada warga Sabah. Dengan sokongan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Industri Perladangan dan Komoditi, projek ini akan berupaya menarik pelabur asing dari rantau Asia untuk melabur di negeri Sabah khususnya anggota Brunei-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) dalam industri minyak kelapa sawit, koko, getah, kayu-kayan dan sumber mineral seperti arang batu dan petroleum. Di samping itu, projek Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP) adalah satu lagi projek pembangunan yang bertanggungjawab untuk melestarikan pertumbuhan ekonomi di negeri Sabah. Penyediaan prasarana pelaburan di kawasan ini telah berjaya menarik pelabur asing untuk menjadikannya sebagai hub industri automotif bertaraf antarabangsa yang telah merekodkan pelaburan asing pertama lebih daripada RM600 juta. Hub ini akan memberi peluang pekerjaan yang banyak kepada warga Sabah dan para pengusaha kecil tempatan untuk menyokong permintaan kilang permotoran tersebut.

Dalam konteks hak warga pribumi Sabah dan tanah adat pula, kerajaan negeri telah melaksanakan beberapa projek pemberian geran hak tanah secara berkelompok "*communal title*" bagi melindungi dan mengekalkan hak tanah adat masyarakat pribumi Sabah dari jatuh ke tangan orang bukan bumiputera (*Daily Express*, 2011). Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah mengeluarkan sebanyak 192,438 geran tanah berstatus *Native Title* seluas 550,987 hektar tanah kepada masyarakat pribumi Sabah. Sebagai tambahan tentang isu tanah, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM60 juta untuk membangunkan institusi Mahkamah Anak Negeri di negeri Sabah bagi menjamin masa depan adat resam dan tradisi masyarakat pribumi Sabah terus terpelihara. Institusi ini dijangka akan mampu menyelesaikan masalah serta menjaga kepentingan dan adat resam masyarakat pribumi Sabah pada masa-masa yang mendatang (*Daily Express*, 2013a). Sementara itu, peristiwa pencerobohan warga Filipina yang dikaitkan dengan tentera Sultan Sulu (Sultan Jamalul Kiram III) di Lahad Datu pada Mac 2013, telah mendedahkan betapa rapuhnya sistem pertahanan dan keselamatan di negeri Sabah. Daripada peristiwa tersebut, sistem pertahanan negeri telah dimantapkan dengan tertubuhnya East Sabah Security Command (ESSCOM) yang berpusat di Lahad Datu. Zon keselamatan ini akan menempatkan lima batalion tentera serta pasukan polis untuk memastikan keselamatan pesisiran pantai Sabah iaitu dari utara Sabah, Kudat ke Selatan Sabah, Tawau sepanjang 1,400 km terpelihara dari ancaman luar. Jaminan keselamatan ini penting kerana kawasan timur Sabah merupakan pusat tarikan pelancongan yang terkenal di mata dunia. Industri pelancongan merupakan salah satu industri yang menyumbang pendapatan besar kepada negeri Sabah. Pada tahun 2012 sahaja, sebanyak 2.8 juta pelancong direkodkan melancong ke Sabah dengan nilai transaksi sebanyak RM5.178 bilion. Pertumbuhan industri

pelancongan ini bukan sahaja menjana ekonomi Sabah, malah memberi peluang pekerjaan kepada warga Sabah untuk memberi khidmat pelancongan seperti industri kraftangan dan "homestay" yang mendapat tarikan tinggi dalam kalangan pelancong (*New Straits Times*, 2013).

Dalam erti kata yang lain, sememangnya pelbagai projek pembangunan telah dilaksanakan di Sabah. BN sebagai parti pemerintah telah menjadikan isu dan persoalan pembangunan sosio-ekonomi Sabah sebagai salah satu agenda terpenting khususnya dalam kempen-kempen pilihan raya yang diadakan dan sebagai natijah daripada ini, BN berjaya mengekalkan kelangsungan dominasi hegemoninya di Sabah. Sebahagian besar rakyat Sabah memberikan persetujuan terhadap parti ini untuk terus mentadbir Kerajaan Negeri. Namun, tidak dinafikan bahawa projek pembangunan yang dirancang masih jauh dari aspek kesempurnaan kerana terdapat beberapa isu dan keperluan sosio-ekonomi yang mendesak di Sabah termasuklah perkembangan pendidikan dan kemahiran, peningkatan prasarana fizikal yang lebih menyeluruh (tidak tertumpu kepada kawasan bandar sahaja) dan juga penjagaan alam sekitar dek pembangunan yang boleh menghakis kekayaan alam semulajadi Negeri Di Bawah Bayu ini.

## **PENAMBAHAN KERUSI OLEH PEMBANGKANG**

Sememangnya sudah menjadi lumrah dalam mana-mana proses pilihan raya, pihak yang muncul pemenang tidak akan dapat lari dari sebarang kritikan. Begitulah juga BN Sabah yang seringkali dijadikan bahan analisis dan kritikan tentang kemenangan yang dicapai. Hujah yang mengatakan bahawa kemenangan BN atas sebab tema pembangunan yang dibawa juga terus dipertikaikan. Dalam hal ini, seperti yang telah diutarakan, penulis tidak akan mengesampingkan segala pandangan yang diberikan bagi mengembangkan lagi skop perbincangan. Seharusnya penulis bersetuju ada beberapa kumpulan isu yang telah mewarnai corat-corek perjalanan politik di Sabah. Isu-isu tersebut sama ada secara langsung ataupun tidak sudah semestinya boleh mempengaruhi segala keputusan pilihan raya. Namun demikian, sejauh mana isu-isu tersebut boleh menjamin pihak pembangkang akan mencapai kemenangan juga merupakan sesuatu yang belum pasti.

Pada kebiasaannya, isu-isu yang sentiasa secara konsistennya dicanai oleh pembangkang adalah yang berkaitan dengan hak-hak keistimewaan Sabah dalam konteks federalisme di Malaysia. Isu autonomi Sabah dan Perkara 20 khususnya tidak pernah lekang dijadikan strategi kempen pihak pembangkang. Selain daripada itu, isu persempadanan semula, pendatang tanpa izin, isu berkaitan imigresen (pengeluaran kad pengenalan palsu), pengundi hantu dan dominasi BN dalam elemen yang dikatakan oleh Loh (2003: 235–240) sebagai sistem 3M (politik wang [*money*], mekanisme *machinery* BN Persekutuan dan Negeri dan dominasi media) juga turut dikaitkan sebagai faktor utama

kemenangan BN selama ini (Salleh, 2013: 41–62). Sesuatu yang nyata dalam membincangkan kesemua isu di atas ialah betapa ia perlu didekati dengan penuh bijaksana dan berhati-hati. Hal ini kerana isu atau perkara yang dibangkitkan berkait rapat dengan falsafah Perlembagaan Persekutuan yang sewajarnya setiap pihak mesti menjunjungnya demi kestabilan dan keamanan negara yang berterusan. Walau bagaimanapun, penulis berpendapat bahawa pihak pembangkang telah diberikan hak dan kebebasan (walaupun didakwa masih terhad) untuk berkongsi memperjuangkan kesemua isu tersebut khasnya dalam siri kempen-kempen PRU13 ini. Bukan itu sahaja, media alternatif pembangkang sama ada bercetak ataupun elektronik, juga telah sampai kepada pangkuan rakyat Sabah tanpa sebarang halangan. Malah, di saat BN bergiat aktif dengan program BR1M 1.0 dan BR1M 2.0, pihak pembangkang terutamanya PR juga telah mengedarkan berbagai-bagai risalah "gula-gula" kepada rakyat. Antara janji-janji politik yang dihidangkan (ini merujuk kepada Manifesto Ringkas PR yang diedarkan sekitar N25 Klias dan P177 Beaufort) ialah seperti harga kereta diturunkan sebanyak 20%, pasangan bujang semasa perkahwinan diberi sumbangan sebanyak RM2,000, pasangan pengantin dikurniakan anak akan mendapat bantuan tabung pendidikan sebanyak RM100 sebulan selama 18 tahun setiap seorang anak, perjalanan menunaikan haji ke tanah suci Mekah akan diberi kuota sebanyak lima orang satu Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dalam negeri Sabah secara percuma yang dibiayai oleh kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Sabah dan pelbagai lagi yang disebutkan (Manifesto Ringkas Kerajaan Pakatan Rakyat, 2013).

Perkara yang hendak dikatakan di sini ialah arena perjuangan antara BN dan pihak pembangkang telah dibuka seluas-luasnya. Walaupun kritikan ditujukan kepada BN tentang dominasinya terhadap media perdana (TV1, TV2 dan TV3 khasnya) tetapi jika melihat kepada perkembangan hari ini, terutamanya apa yang dikatakan sebagai Generasi Y dan Z, penulis merasakan mereka lebih cenderung untuk melayari media alternatif iaitu sumber dari Internet seperti YouTube, Facebook, Twitter dan sebagainya berbanding media perdana. Bahkan dunia Internet ini adalah berkonsep dunia langit terbuka tanpa batasan dari mana-mana kerajaan ataupun institusi. Tetapi persoalannya mengapakah pihak pembangkang masih gagal menguasai pundak pentadbiran Sabah? Tanpa mengetepikan isu-isu yang disebutkan di atas, penulis juga berpandangan bahawa antara elemen utama yang menyumbang kepada kegagalan pembangkang muncul pemenang dalam PRU13 adalah disebabkan tidak bersatunya mereka menghadapi BN. Rata-rata parti pembangkang di Sabah ingin bergerak di bawah panji sendiri dan tidak mengendahkan seruan pemimpin PR, Anwar Ibrahim untuk memastikan pertarungan "1 lawan 1" menentang BN. Dalam kebanyakan kawasan yang ditandingi memperlihatkan parti-parti pembangkang bertarung sesama sendiri dalam berhadapan dengan BN. Mereka juga dilihat tidak bersatu dalam beberapa isu seperti pembahagian kerusi yang ingin dipertandingkan dalam kalangan mereka dan didapati bercanggah dengan perjanjian yang telah



dicapai semasa majlis menandatangani Deklarasi Kuching pada 16 September 2012 (*Daily Express*, 2013d). Dengan demikian, peluang untuk mereka muncul sebagai pemenang adalah terlalu tipis. Malah, komponen parti pembangkang seterusnya tidak bersependapat dalam isu-isu fundamental seperti isu hudud yang dibawa oleh PAS dan konsep negara sekular oleh DAP. Dalam konteks Sabah, faktor perselisihan tersebut sama ada secara langsung ataupun tidak mampu mempengaruhi tahap keyakinan pengundi di negeri Sabah untuk memilih pakatan pembangkang sebagai peneraju kerajaan.

Selain daripada itu, isu-isu yang dijaja oleh pihak pembangkang sama ada bersifat kenegerian ataupun nasional, BN dilihat berupaya (di sini bukanlah bermaksud berjaya sepenuhnya tetapi lebih kepada kaedah yang digunakan dalam menangani situasi yang meruncing) memperagakan respon dan mekanisme bagi memastikan kepercayaan rakyat terhadap parti ini terus utuh. Sebagai contoh, isu pemberian taraf kewarganegaraan kepada warga asing di negeri Sabah (isu yang paling hangat semasa Pilihan Raya Ke-13). Isu ini cuba ditangani dengan sebaiknya melalui penubuhan sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja berlandaskan kepada Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 untuk menyiasat perihal berkaitan pendatang asing di negeri Sabah (Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Negeri Sabah, 2013). Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di negeri Sabah ini ditubuhkan bertujuan antara lain untuk melaksanakan perkara-perkara berikut :

1. Untuk menyiasat jumlah pendatang asing di Sabah yang diberikan kad pengenalan biru atau kewarganegaraan;
2. Untuk menyiasat sama ada pemberian kad pengenalan biru atau kewarganegaraan kepada pendatang asing di Sabah adalah menurut peruntukan undang-undang;
3. Untuk menyiasat sama ada pendatang asing di Sabah yang memegang kad pengenalan biru, resit pengenalan sementara (biru) atau kewarganegaraan secara tidak mengikut undang-undang telah didaftarkan dalam daftar pemilih;
4. Untuk menyiasat sama ada pihak berkuasa yang berkenaan telah mengambil apa-apa tindakan atau membuat apa-apa penambahbaikan kepada prosedur amalan standard, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan bagi mengelakkan apa-apa ketidakteraturan dari segi undang-undang;
5. Untuk menyiasat dengan lebih lanjut mengenai prosedur amalan standard, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan berhubung dengan pemberian kad pengenalan biru atau kewarganegaraan kepada pendatang asing di Sabah dengan mengambil kira standard dan norma antarabangsa yang terpakai bagi Malaysia, dan untuk mengesyorkan apa-apa pindaan atau perubahan untuk memantapkan dan menambah baik prosedur amalan standard, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan itu;

6. Untuk menyasat sebab-sebab peningkatan populasi di Sabah mengikut kategori yang berikut:
  - a. warga Sabah yang menetap di Sabah, termasuklah mereka yang diberikan kad pengenalan biru dan kewarganegaraan melalui Sijil Kelahiran (Pendaftaran Lewat);
  - b. pekerja asing (termasuk ahli keluarga);
  - c. pendatang asing tanpa izin (termasuk ahli keluarga); dan
  - d. pelarian,dan meneliti kesannya terhadap bilangan yang mendaftar dalam daftar pemilih;
7. Untuk menyasat implikasi sosial ke atas masyarakat di Sabah yang berbangkit daripada pemberian kad pengenalan biru atau kewarganegaraan kepada pendatang asing di Sabah; dan
8. Untuk menyasat bilangan pendatang asing di Sabah yang telah diberikan kad pengenalan biru atau kewarganegaraan dengan mengambil kira status mereka sebagai orang tidak bernegara.

Berdasarkan kepada skop dan gerak kerja suruhanjaya di atas, maka ini dapat menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan, sekurang-kurangnya, telah mengambil tindakan (walaupun sesetengah pihak menganggap langkah tersebut sebagai bahan kempen pilihan raya) dalam menangani banjir warga asing dan implikasinya terhadap taraf kewarganegaraan di negeri Sabah (*Daily Express*, 2012). Bagi pihak pembangkang pula, PR telah mencadangkan kaedah yang hampir serupa dalam menyelesaikan isu pendatang tanpa izin di Sabah seperti yang tercatat di dalam manifestonya di Sabah "Merealisasikan Harapan Rakyat Sabah: 12 Teras Pembangunan Untuk Sabah" iaitu mencadangkan penubuhan sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk mencari jalan menyelesaikan kemelut pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah (Salleh, 2013: 121–122). Di sebalik perdebatan tentang isu dan mekanisme yang mewarnai PRU13, pihak pembangkang telah berjaya menunjukkan pencapaian yang agak memberangsangkan dengan memperoleh penambahan kerusi sebanyak 12 kerusi DUN dan tiga kerusi Parlimen. Daripada 12 kerusi DUN yang dimenangi PR, 7 adalah daripada PKR, 4 daripada DAP dan satu daripada STAR. Manakala, daripada tiga kerusi Parlimen yang ditawan PR, dua adalah daripada DAP dan satu daripada PKR (sila lihat Jadual 2). Kawasan dan majoriti undi yang dimenangi oleh pihak pembangkang bagi kawasan DUN dan Parlimen adalah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Kerusi dimenangi parti pembangkang (DUN dan Parlimen)

Bil.	Nama calon (Parti)	DUN	Pecahan undi
1.	Jelani Bin Hamdan (PKR) Sarapin Bin Magana (BN) Richard Bin Jiun (SAPP) Marunsai Bin Dawai (STAR)	N4 Matunggong (PKR – Menang)	Jumlah Pengundi: 19,977 PKR: 6,947 BN: 6,627 SAPP: 367 STAR: 1,536 Majoriti: 320
2.	Ukoh@Jeremy Malajad (PKR) Timbon@Herbert Bin Langadan (BN) Rubbin Bin Guribah (STAR) Peter Marajin@Peter Marazing (SAPP)	N7 Kadamaian (PKR Menang)	Jumlah Pengundi: 15,903 PKR: 5,877 BN: 4,988 STAR: 1,877 SAPP: 547 Majoriti: 889
3.	Mojilip Bumburing@Wilfred (PKR) Jahid Jahim (BN) Linggu@Edward Bin Bukut (STAR) Stephan Bin Gaimin (SAPP)	N9 Tamparuli (PKR Menang)	Jumlah Pengundi: 17,265 PKR: 6,862 BN: 6,479 STAR: 589 SAPP: 185 Majoriti: 383
4.	Roland Chia Ming Shen (PKR) Joseph Bin Paulus Lantip (BN) Enchin Bin Majimbun@Eric (SAPP)	N13 Inanam (PKR Menang)	Jumlah Pengundi: 24,403 PKR: 8,926 BN: 5,724 SAPP: 5,003 Majoriti: 3,202
5.	Wong Hong Jun (DAP) Chin Shu Ying (BN) Datuk Yong Teck Lee (SAPP) Ho Cheong Tshun (STAR)	N14 Likas (DAP Menang)	Jumlah Pengundi: 15,294 DAP: 7,746 BN: 2,094 SAPP: 1,487 STAR: 155 Majoriti: 5,652
6.	Liew Chin Jin (PKR) Datuk Yee Moh Chai (BN) Felix Chong Kat Fah (STAR) Wong Yit Ming (SAPP)	N15 Api Api (PKR Menang)	Jumlah Pengundi: 15,103 PKR: 5,853 BN: 5,058 STAR: 152 SAPP: 713 Majoriti: 795
7.	Hiew King Cheu (DAP) Shim Tshin Nyuk@Agnes Shim (BN) Jafrey Bin Jomion (STAR) Chia Chui Ket (SAPP)	N16 Luyang (DAP Menang)	Jumlah Pengundi: 20,119 DAP: 11,213 BN: 2,537 STAR: 259 SAPP: 1,694 Majoriti : 8,676

(bersambung)

Jadual 3: (sambungan)

Bil.	Nama calon (Parti)	DUN	Pecahan undi
8.	Dr. Edwin@Jack Bosi (DAP) Edward Khoo Keok Hai (BN) Phillip Among Daniel (STAR) Chong Pit Fah (SAPP)	N19 Kapayan (DAP Menang)	Jumlah Pengundi: 26,767 DAP: 13,020 BN: 5,733 STAR: 720 SAPP: 2,030 Majoriti: 7,287
9.	Terrence Alon Siambun (PKR) Datuk Philip Lasimbang (BN) Bernard Lawrence Solibun (STAR) Danim@Aloysius Siap (SAPP)	N20 Moyog (PKR Menang)	Jumlah Pengundi: 17,556 PKR: 7,462 BN: 5,780 STAR: 603 SAPP: 779 Majoriti: 1,682
10.	Datuk Lajim Bin Ukin (PKR) Isnin Bin Aliasnih@Liasnih (BN) Mohd Sanusi Bin Taripin (SAPP) Aliapa Bin Osman (STAR)	N25 Klias (PKR Menang)	Jumlah Pengundi: 15,338 PKR: 6,324 BN: 6,145 SAPP: 182 STAR: 71 Majoriti: 179
11.	Geoffrey Kitingan (STAR) Kennedy Jie John@Kenn (BN) Ahmad Shah Tambakau (PKR)	N33 Bingkor (STAR Menang)	Jumlah Pengundi: 15,878 STAR: 5,350 BN: 4,894 PKR: 2,368 Majoriti: 456
12.	Chan Foong Hin (DAP) Fung Len Fui (BN) Yong Ah Poh (SAPP) Olivia Chong Oi Yun (STAR)	N57 Sri Tanjong (DAP Menang)	Jumlah Pengundi: 22,175 DAP: 10,948 BN: 5,021 SAPP: 260 STAR: 128 Majoriti: 5,927
Jumlah Kerusi DUN Pembangkang: 12			
Bil.	Nama calon (Parti)	Parlimen	Pecahan undi
1.	Wong Sze Phin@Jimmy (DAP) Chin Tek Ming (BN) Liew Hock Leong (STAR)	P172 Kota Kinabalu (DAP Menang)	Jumlah Pengundi: 50,516 DAP: 28,516 BN: 9,557 STAR: 909 Majoriti: 18,959
2.	Darell Leiking (PKR) Tan Sri Bernard Dompok (BN) Melanie Annol (STAR)	P174 Penampang (PKR Menang)	Jumlah Pengundi: 44,318 PKR: 22,598 BN: 12,382 STAR: 1,119 Majoriti: 10,216

(bersambung)

Jadual 3: (sambungan)

Bil.	Nama calon (Parti)	Parlimen	Pecahan undi
3.	Wong Tien Fatt (DAP) Liew Vui Keong (BN)	P186 Sandakan (DAP Menang)	Jumlah Pengundi: 37,058 DAP: 14,226 BN: 13,138 Majoriti: 1,088
Jumlah Kerusi Parlimen Pembangkang: 3			

Sumber : *Daily Express* (2013b).

Berdasarkan kepada Jadual 3 banyak kesimpulan boleh dibuat tentang kejayaan pihak pembangkang mendapat 12 kerusi DUN dan 3 Parlimen. Antaranya, sepertimana ulasan oleh Arnold Puyok, sememangnya wujud politik tsunami di Sabah tetapi ia tidak memadai untuk membuat perubahan besar terhadap landskap politik negeri ini. Namun demikian, sungguhpun sokongan bumiputera Islam terhadap BN semakin bertambah, sebahagian besar masyarakat Kadazandusun dan Murut (KDM) serta Cina telah beralih ke pihak pembangkang. Selain daripada itu, undi popular keseluruhan rakyat Sabah pada kali ini pula lebih memihak kepada parti-parti pembangkang yang bertanding (Lisa, 2013). Dari pengamatan penulis pula, sesuatu yang jelas ialah bagi kawasan-kawasan yang dimenangi oleh DAP ialah rata-ratanya majoriti undi adalah besar sekitar 5,000–18,000 undi kecuali kawasan P186 dengan hanya 1,088 undi majoriti. Selain daripada itu, parti gabungan BN yang mewakili kaum Cina telah kalah kepada DAP iaitu LDP (N14 Likas dan P186 Sandakan) dan MCA (N16 Luyang dan N19 Kapayan). Hal ini menunjukkan kesinambungan kecenderungan masyarakat Cina di Malaysia termasuklah di Sabah bahawa sebahagian besar sokongan daripada mereka sudah tidak lagi bersama BN tetapi berada dalam genggamannya PR.

Bagi PKR pula, tidak dinafikan enam daripada tujuh kerusi yang dimenangnya adalah dari kawasan majoriti bumiputera bukan Islam (etnik Kadazandusun dan Murut atau ringkasnya KDM) yang juga turut ditandingi oleh PBS, UPKO dan PBRS. Daripada ketiga-tiga parti gabungan BN yang mewakili kaum bumiputera bukan Islam, PBS telah kalah lima kerusi DUN (N4 Matunggong, N7 Kadamaian, N9 Tamparuli, N13 Inanam dan N15 Api Api) kepada PKR dan masing-masing satu kerusi DUN (N57 Sri Tanjong) dan Parlimen (P172 Kota Kinabalu) kepada calon DAP. Manakala, parti UPKO pula mengalami dua kekalahan di kerusi N20 Moyog kepada PKR dan N33 Bingkor kepada parti STAR. Namun, kekalahan terbesar UPKO adalah di P174 Penampang apabila pengerusi parti ini, Tan Sri Bernard Dompok telah tewas kepada calon parti PKR Ignatius Darell Leiking dengan kelebihan majoriti undi yang besar iaitu sebanyak 10,216 undi.

Dalam menafsirkan kemenangan parti PKR ini, pelbagai ulasan diberikan. Berdasarkan temu bual penulis dengan Ahli Parlimen Penampang yang baru iaitu Ignatius Darell Leiking (PKR), beliau menyatakan bahawa peningkatan pengundi baru merupakan faktor penting yang membantu kemenangan pihak pembangkang di Parlimen tersebut. Jika diteliti jumlah pengundi berdaftar untuk PRU13 bagi kawasan ini, berlaku peningkatan jumlah pengundi baru sebanyak 8,502. Peratusan peningkatan pengundi baru adalah sebanyak 19.18% iaitu dari 35,821 pada PRU12 kepada 44,323 pengundi dalam PRU13.<sup>7</sup> Walau bagaimanapun, dari segi pengamatan penulis, terdapat sekurang-kurangnya dua isu utama yang telah membantu khasnya calon-calon PKR menguasai kawasan bumiputera bukan Islam ini.

Kedua-dua isu tersebut ialah pendatang tanpa izin (PATI) dan tanah adat. Bagi masyarakat KDM sebagai kumpulan etnik terbesar Sabah mewakili sebanyak 18.4%, diikuti oleh Bajau (17.1%), rumpun etnik Melayu Sabah yang lain seperti Brunei (15.3%), Cina (11%) dan lain-lain (Chin, 2004), sejak pertambahan mendadak jumlah penduduk Sabah daripada 636,431 orang pada tahun 1970 kepada angka 3.2 juta orang tahun 2011 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010), isu PATI ini terus menjadi kerisauan utama. Mereka seringkali mengaitkan pertambahan mendadak ini dengan kemasukan PATI ke Sabah. Manakala, pemimpin KDM yang seringkali membincangkan isu ini ialah Presiden Parti UPKO sendiri, Tan Sri Bernard Dompok (*Astro Awani*, 2013). Asas perkaitan pertambahan mendadak penduduk Sabah dengan isu PATI mungkin dikukuhkan lagi dengan kenyataan Pengarah Jabatan Statistik Sabah, Norezan Wahid yang menyatakan bahawa berdasarkan bancian tahun 2010 sejumlah 889,000 orang atau 28% dari 3.2 juta penduduk Sabah adalah terdiri dari warga PATI (Su-Lyn, 2013; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Dengan demikian, masyarakat KDM telah memberikan isyarat protes kepada Kerajaan Negeri pimpinan BN supaya mengambil langkah yang lebih serius bagi membendung kebanjiran PATI di Sabah.

Selain daripada itu, isu tanah adat turut menjadi agenda terpenting yang perlu diperjuangkan oleh masyarakat KDM pada PRU13 ini. Berdasarkan kepada kenyataan Ketua Hakim Sabah dan Sarawak Tan Sri Richard Malanjum dengan memetik statistik 2010, purata 1.49 juta pribumi Sabah hanya memiliki tanah sebanyak 0.8 ekar seorang berbanding penduduk bukan tempatan yang mempunyai 2.024 ekar tanah seorang. Manakala, daripada sebanyak 7.25 juta hektar yang diberi hak milik hanya 44,867 ekar sahaja berstatus tanah adat (*The Borneo Post*, 2012). Dengan demikian, wujud rasa kebimbangan yang menebal dalam kalangan masyarakat KDM khasnya. Sementara itu, tinjauan singkat penulis ke kawasan Parlimen Penampang contohnya memperlihatkan bagaimana isu tanah adat telah dijadikan sebagai bahan penarik utama dalam perang poster antara parti-parti yang bertanding. Dalam erti kata yang lain, parti PKR terutamanya cuba menjadikan isu tanah adat ini sebagai sesuatu yang perlu diperjuangkan dari masa ke semasa agar ia dapat dipelihara dari satu generasi

kepada generasi yang mendatang. Selain daripada kedua-dua isu yang disebutkan di atas, isu-isu kenegerian dan nasional juga turut diperjuangkan termasuklah autonomi Sabah, janji royalti minyak sebanyak 20% bagi Sabah, pendidikan percuma dan sebagainya bagi memancing undi dalam kempen-kempen yang dibuat yang akhirnya membuahkan hasil apabila PKR dan DAP khususnya berjaya menambah bilangan kerusi mereka di Sabah.

## **KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulannya, pasca PRU13 telah menyaksikan sekali lagi BN-Sabah mampu mencatatkan kejayaan besar walaupun berhadapan dengan cabaran paling sengit dalam senario perkembangan politik negara sejak merdeka. Kejayaan BN-Sabah dalam mengekalkan prestasi ini telah mengukuhkan lagi kelangsungan dominasi hegemoninya di Sabah. Pada pandangan penulis, kejayaan BN ini lebih banyak dikaitkan dengan keupayaannya untuk terus memujuk, memberikan konsesi dan mendapatkan persetujuan sebahagian besar rakyat bagi mentadbir Sabah dalam jangka lima tahun lagi tanpa juga menafikan penggunaan tema pembangunan yang dibawa sebagai mekanisme BN yang dianggap bersesuaian (sebagai strategi politik) dengan keperluan negeri Sabah dan rakyatnya.

Bagi rakyat Sabah pula, mereka sedar tentang hak yang ada dalam konteks federalisme itu sendiri. Majoriti rakyat Sabah masih yakin bahawa BN akan terus memelihara kepentingan dan autonomi Sabah dalam Malaysia. Rakyat Sabah juga akan sentiasa bertindak dalam memberi dokongan dan kritikan seiring dengan semangat dan falsafah federalisme yang dibina. Akan tetapi, jika wujud sebarang ketirisan dalam pengurusan dan pentadbiran Kerajaan Negeri, maka sudah pasti peluang BN untuk menerajui kepimpinan Sabah pada masa-masa akan datang akan terjejas. Dalam pada itu, parti-parti pembangkang terutamanya PR telah menunjukkan tunas-tunas positif sama ada dari segi pertambahan kerusi mahupun peningkatan jumlah undi. Dengan pembawaan isu-isu semasa peringkat nasional dan lokal khususnya yang berkait rapat dengan federalisme, populariti mereka telah berjaya ditingkatkan dan lantas menghimpit dominasi BN-Sabah dalam kalangan rakyat Sabah. Persoalan sama ada PR akan terus berupaya bersaing dengan BN-Sabah ataupun tidak, amat bergantung kepada hala tuju dan isu-isu kritikal di Sabah yang sebahagian besarnya masih terpaku dengan tuntutan pembangunan fizikal dan sosio-ekonomi.

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini telah dibiayai oleh Poverty Study in Sabah/UNDP Project 2009.

## NOTA

1. JKM16 239/92. Malaysia Report of the Inter-Governmental Committee 1962, Arkib Negeri Sabah.
2. JKM16 240/92. Cobbold Report. 1962. Arkib Negeri Sabah.
3. Temu bual bersama Lahirul Latigu (Ketua Pemuda PAS Sabah). 4 Julai 2013 di Kota Kinabalu, Sabah.
4. Temu bual bersama Datuk Hj. Azizah Datuk Seri Panglima Hj. Mohd. Dun (Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap ahli Parlimen Beaufort). 9 Mei 2013 di Kota Kinabalu, Sabah.
5. Temu bual (telefon) bersama Mohamad Alamin (wakil rakyat BN bagi DUN N23 Bongawan). 17 Jun 2013.
6. Temu bual bersama Lahirul Latigu (Ketua Pemuda PAS Sabah). 4 Julai 2013 di Kota Kinabalu, Sabah.
7. Temu bual bersama Leiking, I. D. 7 Jun 2013 di Penampang, Sabah.

## RUJUKAN

- Anderson, P. 1976. The antinomies of Antonio Gramsci. *New Left Review* November-December 1(100): 1–65.
- Asmady Idris. 2000. *Amerika Syarikat: Satu kuasa hegemoni dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Astro Awani*. 2013. Tarik balik IC di Sabah, RCI diberitahu. 22 June. <http://www.astroawani.com/news/show/tarik-balik-ic-di-sabah-rci-diberitahu-16906>. (accessed 7 October 2013).
- Chin, J. 2004. Sabah and Sarawak, the more things change the more they remain the same. *Southeast Asian Affairs* 2004: 156–168.
- \_\_\_\_\_. 1999. Going east: UMNO's entry into Sabah politics. *Asian Journal of Political Science* 7(1): 20–40.
- Daily Express*. 2013a. Hajiji gives assurance on the native court. 19 June.
- \_\_\_\_\_. 2013b. 13th General Elections 2013. 6 May.
- \_\_\_\_\_. 2013c. Tough fight for Sabah BN seen in 10 seats. 28 April. <http://www.dailyexpress.com.my/news.cfm?NewsID=85496/> (accessed 15 June 2013).
- \_\_\_\_\_. 2013d. Don't dilute Sabah's political representation: SAPP. 24 February. <http://www.dailyexpress.com.my/news.cfm?NewsID=84422/> (accessed 8 July 2013).
- \_\_\_\_\_. 2012. RCI has brought Sabah BN together, says PBS. 14 August. <http://www.dailyexpress.com.my/news.cfm?NewsID=82325/> (accessed 7 July 2013).



- \_\_\_\_\_. 2011. SLDB to steer rural land development under communal titles. 29 June. <http://www.dailyexpress.com.my/news.cfm?NewsID=78425/> (accessed 7 July 2013).
- Dol, C. G. 2013. Jeffrey dedicates win to people of Bingkor. *Daily Express*. 6 May.
- Evans, G. dan J. Newnham. 1998. *The Penguin dictionary of international relations*. London: Penguin Books.
- Gill, S. 1990. *American hegemony and the trilateral commission*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Haralambos, M. and M. Holborn. 1991. *Sociology: Themes and perspectives*. London: Collins Educational.
- Harian Ekspres*. 2013. BN Sabah kembali. 6 May.
- Hwang, I. 2003. *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Institute for Development Studies. 2006–2007. Rancangan Malaysia Ke-9 Pemacu Misi Sabah. <http://www.google.com/url?sa=t&rct=j&q=&esrc=s&source=web&cd=1&ved=0CCsQFjAA&url=http%3A%2F%2Fwww.ids.org.my%2Fcurrent%2Fberitaid%2Fberitavol21%2520%28Jul06-Jun07%29.doc&ei=rAZKUtaBOcOIrQfO-ICYCA&usg=AFQjCNHBjIwleuLF9uziPGF2ehDrj6HWKg&bvm=bv.53371865,d.bmk> (accessed 6 October 2013).
- Ishak Shari. 2002. Sabah dan Sarawak dalam arus pembangunan Malaysia: Pencapaian sehingga kini dan cabaran masa depan. In *Sabah dan Sarawak dalam arus globalisasi*, eds. Mohd. Yusof Kasim and Sabihah Osman, 16–38. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2012. Sabah sepintas lalu. [http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com\\_content&view=article&id=534&Itemid=111&lang=bm&negeri=Sabah/](http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=534&Itemid=111&lang=bm&negeri=Sabah/) (accessed 1 June 2013).
- \_\_\_\_\_. 2010. Populasi negeri Sabah. [http://www.statistics.gov.my/portal/download\\_Population/files/population/05Jadual\\_Mukim\\_negeri/Mukim\\_Sabah.pdf/](http://www.statistics.gov.my/portal/download_Population/files/population/05Jadual_Mukim_negeri/Mukim_Sabah.pdf/) (accessed 8 October 2013).
- Jabatan Tanah dan Ukur Sabah. 2013. Administration structure. <http://www.jtu.sabah.gov.my/homepage/index.cfm?section=administration&action=structure&lang=BM/> (accessed 5 October 2013).
- Jawan, J. A. 2009. Federalism in Malaysia. In *Governing Malaysia*, ed. Abdul Razak Baginda, 91–112. Kuala Lumpur: Malaysian Strategic Research Centre.
- \_\_\_\_\_. 2007. *Malaysian politics and government*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- JKM16 239/92. Malaysia Report of the Inter-Governmental Committee 1962, Arkib Negeri Sabah.
- JKM16 240/92. Cobbold Report. 1962. Arkib Negeri Sabah.

- Kennedy, P. 1987. *The rise and fall of the great powers: Economic change and military conflict from 1500–2000*. London: Unwin Hyman Ltd.
- Khabil Kiram. 2013. Yong blames wipeout on trend for 2-party system. *Daily Express*, 6 May.
- Loh, F. K. W. 2005. Politik baru di Malaysia? In *Siri Syarahan Umum, Syarahan Umum Perlantikan Profesor*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 2003. Electoral politics in Sabah, 1999: Gerrymandering, "Phantom", and the 3Ms. In *New politics in Malaysia*, ed. F. L. K. Wah dan J. Saravanamuttu, 228–252. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Lisa, J. A. 2013. Sabah polls outcome surprises analysts. *Free Malaysia Today*, 23 May. <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2013/05/23/sabah-polls-outcome-surprises-analysts/> (accessed 7 October 2013).
- Luping, H. 1989. The formation of Malaysia revisited. In *Sabah 25 years later 1963–1988*, eds. J. G. Kitingan and M. J. Ongkili, 1–60. Kota Kinabalu, Sabah: Institute of Development Studies.
- Malakun, C. D. B. 1981. Political development in Sabah 1881–1981. In *Commemorative history of Sabah 1881–1981*, ed. Anwar Sullivan and C. Leong, 119–180. Kota Kinabalu, Sabah: Sabah State Government.
- Malaysian Rating Corporation Berhad. 2011. The state of Sabah. 8 December. [http://www.marc.com.my/home/userfiles/file/081211\\_The%20State%20of%20Sabah\\_Edited.pdf/](http://www.marc.com.my/home/userfiles/file/081211_The%20State%20of%20Sabah_Edited.pdf/) (accessed 4 October 2013).
- Manifesto Ringkas Kerajaan Pakatan Rakyat. 2013. DUN 25 Klias dan Parlimen 177 Beaufort.
- Means, G. P. 1998. Soft authoritarianism in Malaysia and Singapore. In *Democracy in East Asia*, ed. L. Diamond dan M. F. Platter, 96–110. Baltimore: Johns Hopkins University Press.
- Mohammad Agus Yusoff. 2006. *Malaysian federalism: Conflict or consensus*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- New Straits Times*. 2013. ESSCOM to boost socio-economic growth in Sabah's East Coast. 27 March.
- New Sabah Times*. 2013a. New Sabah cabinet in 2–3 days. 7 May.
- \_\_\_\_\_. 2013b. LDP has done fairly well – Liew. 7 May.
- Oxford Business Group Economic. 2012a. Economic update Sabah: Year in review 2012. 19 December. [http://www.oxfordbusinessgroup.com/economic\\_updates/sabah-year-review-2012/](http://www.oxfordbusinessgroup.com/economic_updates/sabah-year-review-2012/) (accessed 2 October 2013).
- Oxford Business Group Economic. 2012b. UpdateSabah: Eyeing downstream potential. 5 November. [http://www.oxfordbusinessgroup.com/economic\\_updates/sabah-eyeing-downstream-potential/](http://www.oxfordbusinessgroup.com/economic_updates/sabah-eyeing-downstream-potential/) (accessed 2 October 2013).

- Puyok, A. 2013. Sabah's rise to national prominence and deepening UMNO dominance. In *Awakening: The Abdullah years in Malaysia*, ed. B. Welsh and J. U. H. Chin, 226–238. Selangor: Strategic Information and Research Development Center.
- Sabahdaily*. 2013. <http://www.sabahdaily.com/> (accessed 2 June 2013).
- Sabah Election. 1999. <http://www.sabah.gov.my/events/1999election/> (accessed 5 October 2013).
- Sabihah Osman. 2008. Pembangunan politik Sabah: Satu penelusuran sejarah. *Kinabalu: Jurnal Perniagaan & Sains Sosial* 14: 1–28.
- Salleh Saprin Alattas. 2013. *Ini kali lah tukar!!!* Kota Kinabalu: Iris Publishing & Distributor.
- Smith, G. 1995. Mapping the federal condition: Ideology, political practice and social justice. In *Federalism: The multiethnic challenge*, ed. G. Smith, 1–28. London: Longman.
- Strange, S. 1987. The persistent myth of lost hegemony. *International Organization* 4(4): 551–574.
- Su-Lyn, B. 2013. Jumlah pendatang 28 peratus dari penduduk Sabah, RCI diberitahu. *The Malaysian Insider*. 15 January. <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/jumlah-pendatang-28-peratus-dari-penduduk-sabah-rci-diberitahu/> (accessed 6 October 2013).
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 2004. Laporan Pilihan Raya Umum 2004. <https://www.box.com/s/i4dfvomrj64xnigtjm46/> (accessed 6 July 2013).
- \_\_\_\_\_. 2013. Senarai calon yang disahkan layak bertanding Parlimen/Dewan Undangan Negeri 2013. <http://www.spr.gov.my/> (accessed 2 June 2013).
- Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah. 2013. Terma rujukan. <http://www.rcisabah.gov.my/rcisabah/index.php/my/> (accessed 7 July 2013).
- The Borneo Post*. 2013a. BN's polls slump a "Malaysian tsunami" says former journalist. 7 May.
- \_\_\_\_\_. 2013b. PAS gives strong showing in Sabah despite failing to win any seats. 7 May.
- \_\_\_\_\_. 2013c. People first, performance now. 28 April.
- \_\_\_\_\_. 2012. Sabah, S'wak CJ: Time to set up native land tribunal. 31 January. <http://www.theborneopost.com/2012/01/31/sabah-swak-cj-time-to-set-up-native-land-tribunal/> (accessed 6 October 2013).
- The Malaysian Insider*. 2013. Pembentukan Malaysia bawa rahmat kepada landskap ekonomi bumiputera Sabah. 30 September. <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pembentukan-malaysia-bawa-rahmat-kepada-landskap-ekonomi-bumiputera-sabah> (accessed 2 October 2013).

- The Star*. 2013. GE13: Najib tells why he chose April 3 for dissolution of Parliament. 5 April. <http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2013/4/5/nation/12929870&sec=nation/> (accessed 1 June 2013).
- Thomas, P. D. 2009. *The Gramscian moment: Philosophy, hegemony and Marxism*. Leiden: Brill.
- Unit Perancangan Ekonomi Negeri Sabah. 2013. Ringkasan profil mengenai Sabah. <http://www.sabah.gov.my/upen/> (accessed 2 October 2013).
- Unit Perancang Ekonomi. 2013. Rangka rancangan jangka panjang kedua, 1991–2000 (Bab IV). <http://www.epu.gov.my/chapter4> (accessed 4 October 2013).
- Utusan Borneo*. 2013. Keputusan penuh Pilihan Raya Umum Ke-13. 7 May.